



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA


PENGURUSAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/
AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI SABAH
TAHUN 2016**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENGURUSAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI SABAH
TAHUN 2016**

SIRI 2

KANDUNGAN



KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH Pengurusan Aktiviti Penswastaaan Pelabuhan
23	JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM SABAH Pengurusan Skim Bantuan Am
41	JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH Pengurusan Hasil Daripada Aktiviti Penuaian Sarang Burung Layang-layang
69	PENUTUP

KATA PENDAHULUAN




KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2016 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di empat Kementerian/Jabatan/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.
5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti

dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Madinah Binti Mohamad', with a horizontal line underneath it.

TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Oktober 2017

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah

1. *Pengurusan Penswastaan Pelabuhan*

- a. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) ditubuhkan pada tahun 1968 di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1967. LPPS merupakan Badan Berkanun Negeri di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Sabah (KPI). Fungsi utama LPPS adalah memberi perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan di Negeri Sabah. Terdapat tujuh pelabuhan di Negeri Sabah, iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Sapangar Bay, Lahad Datu, Kunak dan Kudat. Manakala Pelabuhan Sapangar Bay mempunyai dua pelabuhan iaitu Sapangar Bay Container Port (SBCP) dan Sapangar Bay Oil Terminal (SBOT).
- b. Pada tahun 1998, satu undang-undang bagi penswastaan pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sabah telah digubal yang dinamakan Sabah Ports (Privatisation) Enactment 1998. Sabah Ports (Privatisation) Enactment 1998 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 18 Ogos 2001. Manakala enakmen tersebut telah dipinda pada 1 Julai 2003.
- c. Pada 23 September 2003, Perjanjian Penswastaan Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Perjanjian Penswastaan Pelabuhan) telah ditandatangani bagi tempoh 30 tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2033. Perjanjian tersebut adalah antara Kerajaan Negeri, LPPS, Suria Capital Holdings Berhad (SCHB) dan Sabah Ports Sdn. Bhd. (syarikat konsesi) yang merupakan anak syarikat SCHB yang diperbadankan pada 17 Jun 2002. Objektif utama penswastaan pelabuhan di bawah pengurusan syarikat konsesi adalah untuk menggalakkan persaingan, meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan.
- d. Selepas penswastaan pelabuhan, fungsi LPPS bertindak sebagai pihak berkuasa mengawal selia dan bertanggungjawab untuk memastikan pengendali pelabuhan mematuhi standard yang ditetapkan.
- e. Pada tahun 2009, pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap penswastaan pelabuhan-pelabuhan Sabah dan hasil kajian telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah) Tahun 2008. Antara perkara yang dibangkitkan ialah isu berkaitan pindah hak milik tanah kepada syarikat konsesi dan telah diselesaikan semasa pengauditan dijalankan.

- f. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 mendapati pengurusan penswastaan pelabuhan adalah memuaskan kerana syarikat konsesi telah menyuntik modal berjumlah RM809.77 juta (103.3%) untuk menaik taraf dan menyediakan infrastruktur pelabuhan dan *port equipments* berbanding sasaran RM783.76 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016. Selain itu, syarikat konsesi juga telah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan dalam Perjanjian Penswastaan Pelabuhan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dan secara ringkasnya dijelaskan dalam perenggan berikut:
- i. suntikan modal berjumlah RM163.67 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016 adalah tidak termasuk dalam Perjanjian Penswastaan Pelabuhan dan perolehan tersebut tidak dirujuk kepada Kerajaan Negeri/LPPS untuk keputusan/kelulusan selanjutnya;
 - ii. dua daripada tiga pelabuhan yang mengendalikan kontena menunjukkan purata masa kelewatan yang meningkat selepas penswastaan;
 - iii. penyediaan dan penyerahan penyata kewangan tahunan dan laporan statistik pelabuhan oleh syarikat konsesi tanpa dibuat penilaian atau perbincangan berkala adalah tidak mencukupi; dan
 - iv. pengendalian kargo di jeti persendirian tidak diseliasa atau dipantau dengan sewajarnya.
- g. Bagi memantapkan pengurusan penswastaan pelabuhan dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi mencapai objektifnya, adalah disyorkan agar LPPS mempertimbangkan perkara berikut:
- i. memastikan perbelanjaan infrastruktur dan pembelian *port equipments* berjumlah RM163.67 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016 perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri/Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah untuk mencari jalan penyelesaian dan mengelakkan pertikaian di masa hadapan;
 - ii. mewujudkan jawatankuasa khas yang perlu bermesyuarat secara berkala untuk membincang penyata kewangan tahunan dan laporan statistik pelabuhan agar dapat meningkatkan prestasi perkhidmatan pelabuhan serta memastikan syarat-syarat perjanjian dipatuhi; dan
 - iii. bekerjasama dengan SPSB dalam penyediaan SOP yang komprehensif dan jelas menunjukkan tanggungjawab masing-masing terhadap pemantauan ke atas jeti persendirian agar aktiviti yang dikendalikan di jeti persendirian dapat dikawal dengan sewajarnya.

JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM SABAH

2. *Pengurusan Skim Bantuan Am*

- a. Rancangan Pemelegaan Outdoor Relief mula diperkenalkan pada tahun 1964 yang ditadbir mengikut Akta Tabung Papa 1923. Bagaimanapun, pada 16 September 1970 Akta Tabung Papa dimansuhkan dan skim ini telah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat (JPKM). Setelah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, program ini dikenali sebagai Skim Bantuan Am (SBAM). SBAM merupakan satu skim bantuan yang bertujuan untuk memberi kelegaan yang bersifat sementara iaitu untuk tempoh 12 bulan kepada individu atau ahli keluarga yang memerlukannya. Bagaimanapun, bayaran bantuan masih boleh dilanjutkan selepas tamat tempoh 12 bulan dengan syarat penerima masih layak. Di Negeri Sabah, SBAM ditadbir dan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS). Objektif JPKAS adalah melahirkan masyarakat yang mengamalkan budaya ikram selaras dengan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu melalui perkongsian tanggungjawab dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan, memberi perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JPKAS serta membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April 2017 hingga Julai 2017 mendapati pengurusan SBAM adalah memuaskan daripada aspek prestasi agihan peruntukan, kelulusan permohonan mengikut kuota yang ditetapkan dan pemantauan Ibu Pejabat JPKAS terhadap Pejabat Kebajikan Daerah. Bagaimanapun, beberapa perkara perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:
 - i. peruntukan SBAM tidak mencukupi kerana hanya 46.5% dan 45.9% kuota bantuan diluluskan bagi tahun 2015 dan 2016 berbanding permohonan yang layak;
 - ii. daripada 1,004 permohonan bantuan, Jawatankuasa Penimbang telah meluluskan sebanyak 161 (16%) permohonan yang tidak mempunyai pengesahan daripada Penolong Pengarah Bahagian/Pegawai Kebajikan Daerah dalam borang permohonan serta dua daripada tiga Jawatankuasa Penimbang tidak bemesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan; dan
 - iii. tiada garis panduan khusus dan jelas yang boleh dirujuk bagi kaedah pelaksanaan lapor diri.
- c. Bagi memastikan pengurusan SBAM dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS);

- i. mengkaji semula kuota yang ditetapkan agar selaras dengan permohonan dan mempertimbangkan kadar bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh lebih ramai penerima yang layak;
- ii. menyediakan garis panduan yang dan peraturan yang jelas dan komprehensif agar kadar yang diluluskan/bayar adalah teratur dan seragam.
- iii. mengkaji semula kaedah lapor diri seperti menggunakan aplikasi *fingerprint scanner* dalam sistem eSBK bagi memastikan mekanisme lapor diri lebih berkesan.

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR
JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH**

3. Pengurusan Hasil Daripada Aktiviti Penuaian Sarang Burung Layang-layang

- a. Burung layang-layang merupakan haiwan yang dilindungi di bawah subseksyen 25(2) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Terdapat empat spesies burung layang-layang yang mendiami gua batu kapur iaitu Bersarang Putih (*Aerodramus Fuciphagus*), Bersarang Hitam (*Aerodramus Maximus*), Bersarang Lumut (*Collocalia Vanikorensis*) dan Layang-layang Perut Putih (*Collocalia Esulenta*). Bagaimanapun, hanya sarang spesies burung Bersarang Putih (sarang burung putih) dan Bersarang Hitam (sarang burung hitam) sahaja yang boleh dimakan untuk kesihatan selepas diproses. Dengan harga antara RM800 hingga RM1,200 sekilo untuk sarang burung hitam dan boleh mencecah RM3,000 sekilo untuk sarang burung putih, sarang burung merupakan antara makanan eksotik termahal di dunia.
- b. Pengauditan ini meliputi lima bidang utama (*key area*) iaitu prestasi penuaian sarang burung dan kutipan hasil, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, bayaran oleh kontraktor serta pemantauan dan kawalan aktiviti penuaian sarang burung. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Hidupan Liar Kota Kinabalu, Pejabat Hidupan Liar Gomantong, Pejabat Hidupan Liar Lahad Datu dan Kementerian Kewangan Sabah. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2013 hingga Mei 2017.
- c. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2017 mendapati, pengurusan hasil daripada aktiviti memajak/mengutip sarang burung adalah tidak memuaskan kerana perkara berikut:
 - i. tunggakan hasil berjumlah RM28.29 juta sejak tahun 2000 sehingga bulan Mei 2017 melibatkan 12 kontraktor;

- ii. lantikan terus/ sementara bagi kontrak memajak dan mengutip sarang burung di Gua Gomantong dan Gua Babpa Buli adalah bertentangan dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997;
 - iii. pentadbiran kontrak lantikan terus (Gua Madai) tidak ditandatangani;
 - iv. prestasi bayaran oleh satu daripada dua kontraktor masih belum menjelaskan tunggakan berjumlah RM0.50 juta bagi kontrak tahun 2012 hingga 2015 di Gua Madai; dan
 - v. ketiadaan Manual Prosedur Kerja yang jelas menetapkan norma masa dan tindakan yang sepatutnya diambil.
- d. Bagi memastikan hasil Kerajaan benar-benar dapat dikutip sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Jabatan Hidupan Liar Sabah mempertimbangkan perkara berikut:
- i. menyediakan Manual Prosedur Kerja yang jelas dan komprehensif terhadap aktiviti peneaian sarang burung layang-layang agar hasil tuaian dapat dikutip sepenuhnya dan bayaran oleh kontraktor dapat dijelaskan dalam tempoh yang sepatutnya;
 - ii. memperkemas sistem pengurusan fail dan pentadbiran kontrak bagi memudahkan pemantauan dan mempertingkatkan kecekapan dari segi pentadbiran kontrak agar kepentingan Kerajaan terpelihara;
 - iii. menyediakan kertas cadangan dengan analisis anggaran kuantiti sarang burung yang boleh dikutip untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi setiap proses pemilihan kontraktor pada masa depan; dan
 - iv. mewujudkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk menyiasat, melaporkan dan mengambil tindakan pembetulan/punitif ke atas kes-kes ketidakpatuhan kepada syarat-syarat kontrak dan bayaran supaya perkara yang sama tidak berulang.

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

1. LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH - PENGURUSAN AKTIVITI PENSWASTAAN PELABUHAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS) ditubuhkan pada tahun 1968 di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah 1967. LPPS merupakan Badan Berkanun Negeri di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Sabah (KPI). Fungsi utama LPPS adalah memberi perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan di Negeri Sabah. Terdapat tujuh pelabuhan di Negeri Sabah, iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Sapangar Bay, Lahad Datu, Kunak dan Kudat. Manakala Pelabuhan Sapangar Bay mempunyai dua pelabuhan iaitu Sapangar Bay Container Port (SBCP) dan Sapangar Bay Oil Terminal (SBOT). Lokasi pelabuhan-pelabuhan utama Negeri Sabah adalah seperti peta berikut:

PETA 1.1
LOKASI PELABUHAN-PELABUHAN UTAMA NEGERI SABAH



Sumber: Google

1.1.2. Pada tahun 1998, satu undang-undang bagi penswastaan pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sabah telah digubal yang dinamakan Sabah Ports (Privatisation) Enactment 1998. Sabah Ports (Privatisation) Enactment 1998 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 18 Ogos 2001. Manakala enakmen tersebut telah dipinda pada 1 Julai 2003.

1.1.3. Pada 23 September 2003, Perjanjian Penswastaan Pelabuhan-pelabuhan Sabah (Perjanjian Penswastaan Pelabuhan) telah ditandatangani bagi tempoh 30

tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2033. Perjanjian tersebut adalah antara Kerajaan Negeri, LPPS, Suria Capital Holdings Berhad (SCHB) dan Sabah Ports Sdn. Bhd. (syarikat konsesi) yang merupakan anak syarikat SCHB yang diperbadankan pada 17 Jun 2002. Objektif utama penswastan pelabuhan di bawah pengurusan syarikat konsesi adalah untuk menggalakkan persaingan, meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan.

1.1.4. Selepas penswastan pelabuhan, fungsi LPPS bertindak sebagai pihak berkuasa mengawal selia dan bertanggungjawab untuk memastikan pengendali pelabuhan mematuhi standard yang ditetapkan.

1.1.5. Pada tahun 2009, pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap penswastan pelabuhan-pelabuhan Sabah dan hasil kajian telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah) Tahun 2008. Antara perkara yang dibangkitkan ialah isu berkaitan pindah hak milik tanah kepada syarikat konsesi dan telah diselesaikan semasa pengauditan dijalankan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti penswastan telah dilaksanakan dengan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi empat bidang utama (*key areas*) iaitu pembangunan pelabuhan; prestasi perkhidmatan pelabuhan sebelum dan selepas penswastan; bayaran oleh syarikat konsesi kepada LPPS/Kerajaan Negeri; dan pemantauan oleh LPPS terhadap penswastan pelabuhan. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat LPPS dan syarikat konsesi. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2015 hingga 2017 serta menganalisis data tahun sebelum dan selepas penswastan. Analisis untuk menilai prestasi perkhidmatan pelabuhan dari segi *total tonnage handled* bagi pengendalian kargo telah dijalankan untuk ketujuh-tujuh pelabuhan. Manakala dari segi purata masa kelewatan kapal (*delay of vessel*), analisis hanya dijalankan bagi tiga pelabuhan yang ada mengendalikan kontena (Sapangar Bay Container Port, Pelabuhan Sandakan dan Pelabuhan Tawau) kerana rekod purata masa kelewatan kapal hanya diselenggarakan untuk perkhidmatan kontena. Bagaimanapun, skop pengauditan tidak meliputi pengurusan perolehan infrastruktur dan *port equipments* yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan fail serta menjalankan

analisis terhadap prestasi perbelanjaan/suntikan modal oleh syarikat konsesi serta bayaran kepada LPPS/Kerajaan Negeri. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lisan dan memastikan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Selain itu, lawatan fizikal ke semua tujuh pelabuhan telah dijalankan bagi memeriksa infrastruktur dan *port equipments* yang disediakan. Di samping itu, sebanyak 600 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengguna pelabuhan (*port users*) untuk mendapatkan maklum balas terhadap kualiti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 mendapati pengurusan penswastaaan pelabuhan adalah memuaskan kerana syarikat konsesi telah menyuntik modal berjumlah RM809.77 juta (103.3%) untuk menaik taraf dan menyediakan infrastruktur pelabuhan dan *port equipments* berbanding sasaran RM783.76 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016. Selain itu, syarikat konsesi juga telah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan dalam Perjanjian Penswastaaan Pelabuhan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dan secara ringkasnya dijelaskan dalam perenggan berikut:

- i. suntikan modal berjumlah RM163.67 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016 adalah tidak termasuk dalam Perjanjian Penswastaaan Pelabuhan dan perolehan tersebut tidak dirujuk kepada Kerajaan Negeri/LPPS untuk keputusan/kelulusan selanjutnya;
- ii. dua daripada tiga pelabuhan yang mengendalikan kontena menunjukkan purata masa kelewatan yang meningkat selepas penswastaaan;
- iii. penyediaan dan penyerahan penyata kewangan tahunan dan laporan statistik pelabuhan oleh syarikat konsesi tanpa dibuat penilaian atau perbincangan berkala adalah tidak mencukupi; dan
- iv. pengendalian kargo di jeti persendirian tidak diselia atau dipantau dengan sewajarnya.

Perkara yang ditemui dan maklum balas LPPS dan syarikat konsesi telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 19 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Pembangunan Pelabuhan

1.5.1.1. *Port Development Plan*

- a. Klausula G Perjanjian Penswastaaan Pelabuhan menetapkan "*the Concession Company shall from time to time perform strategic review both external and*

internal and, in consultation with the Government and the Authority, update the Port Development Plan so as to adopt a more structured and realistic approach in port requirement planning”.

- b. Semakan Audit mendapati LPPS ada menyediakan *Port Development Plan* (PDP) pada bulan Jun 2002 yang melibatkan perkara “*a case for privatisation, privatisation plan dan other terms of the privatisation*”. Manakala PDP tersebut telah disemak semula untuk kali kedua dan ketiga pada tahun 2013 dan 2017 untuk disesuaikan dengan keadaan semasa oleh syarikat konsesi selaras dengan klausa perjanjian penswastaan. Bagaimanapun, PDP yang disemak semula tidak dikemukakan kepada LPPS.

1.5.1.2. Penyediaan Infrastruktur dan *Port Equipments* oleh Syarikat Konsesi

- a. Tanggungjawab syarikat konsesi dalam penyediaan infrastruktur dan *port equipments* dinyatakan dalam klausa-klausa Perjanjian Penswastaan Pelabuhan seperti berikut:
 - i. Klausa 14.1 - “*The Concession Company shall provide sufficient infrastructure and facilities to comply with the Licence. In furtherance thereof, the Concession Company agrees and undertakes that it will incur the Capital Expenditure and carry out and/or affect the Capital Expenditure Works within the period set out in the Capital Expenditure Programme in Schedule 14.*”
 - ii. Klausa 14.1.2 - “*The Capital Expenditure which is estimated to cost Ringgit One Billion Three Hundred and Sixty-Three Million (RM1,363,000,000.00) in aggregate is indicative only of the Capital Expenditure to be incurred by the Concession Company. Provided that the Concession Company may vary the Capital Expenditure, re-allocate the Capital Expenditure Works or re-schedule the Capital Expenditure Programme subject to port demand, economic conditions and port operation performance with prior written approval of the Government and the Authority, which approval shall not be unreasonably withheld.*”
 - iii. Klausa 14.3 - “*In the event that the Capital Expenditure amount to be incurred for a Capex period is revised pursuant to paragraph of the clause 14.2.4, the Capital Expenditure Works and Capital Expenditure Programme to be implemented for that Capex Period shall be varied in accordance with the mutual agreement of the Parties*”. *The Concession Company shall provide sufficient infrastructure and facilities to comply with the Licence.*
 - iv. Mengikut *Schedule 14*, syarikat konsesi hendaklah melabur dan

menyediakan infrastruktur dan *port equipments* berjumlah RM1,362.35 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2033 seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 1.1
SASARAN SUNTIKAN MODAL MENGIKUT PERJANJIAN
PENSWASTAAN PELABUHAN BAGI TEMPOH 2004 HINGGA 2033

PERBELANJAAN MODAL	TAHUN 1-5 (2004 – 2008) (RM Juta)	TAHUN 6 – 10 (2009 – 2013) (RM Juta)	TAHUN 11 – 20 (2014 – 2023) (RM Juta)	TAHUN 21 – 30 (2024 – 2033) (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
<i>Infra</i>	253.30	216.90	114.00	195.40	779.60
<i>Equip</i>	163.75	66.00	170.00	183.00	582.75
JUMLAH	417.05	282.90	284.00	378.40	1,362.35

Sumber: *Schedule 14, Perjanjian Penswastaan Pelabuhan*

- b. Semakan Audit mendapati syarikat konsesi telah menyuntik modal yang besar untuk pemodenan pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sabah iaitu sebanyak RM809.77 juta atau 103.3% berbanding sasaran sebanyak RM783.76 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016 seperti jadual berikut:

JADUAL 1.2
PRESTASI PENYEDIAAN INFRA DAN PORT EQUIPMENTS
OLEH SYARIKAT KONSESI BAGI TEMPOH 2004 HINGGA 2016

BIL.	PELABUHAN	SASARAN (a)		SEBENAR (b)		PERATUS (%) (b)/(a)	
		<i>INFRA</i>	<i>EQUIP</i>	<i>INFRA</i>	<i>EQUIP</i>	<i>INFRA</i>	<i>EQUIP</i>
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	SBCP	246.98	135.00	313.47	220.21	126.9	163.1
2.	SBOT	38.40	0.12	0.21	0.01	0.5	8.3
3.	Kota Kinabalu	9.53	36.52	7.04	27.06	73.9	74.1
4.	Sandakan	28.40	39.80	105.56	35.22	371.7	88.5
5.	Tawau	22.70	75.81	0.08	23.64	0.4	31.2
6.	Lahad Datu	145.50	5.00	14.74	5.04	10.1	100.8
7.	Kunak	-	-	56.98	0.51	∞	∞
8.	Kudat	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		491.51	292.25	498.08	311.69	101.3	106.7
JUMLAH KESELURUHAN		783.76		809.77		103.3	

Sumber: *Perjanjian Penswastaan Pelabuhan dan Rekod Syarikat Konsesi*


- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah RM809.77 juta yang disuntik oleh syarikat konsesi adalah termasuk RM163.67 juta untuk penyediaan *Infra* dan *port equipments* berjumlah yang tidak termasuk dalam Perjanjian Penswastaan Pelabuhan seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.3
PENYEDIAAN INFRA DAN PORT EQUIPMENTS PELABUHAN
YANG TIDAK TERMASUK DALAM PERJANJIAN PENSWASTAAN PELABUHAN

BIL.	PELABUHAN	PEROLEHAN		
		ITEM	TAHUN	NILAI (RM Juta)
1.	SBCP	<i>Office and Operation Building (Gambar 1.1)</i>	2007	28.86
		<i>Furniture and Fittings</i>	2007	4.15
JUMLAH				33.01
2.	Sandakan	<i>Extension for Ferry Terminal</i>	2005	0.24
		<i>Karamunting Oil Terminal</i>	2006	32.49
		<i>Pipeline Sg. Mowtas</i>	2009	6.02
		<i>Mooring Dolphin - Karamunting Jetty</i>	2009	0.79
		<i>Oil Jetty- Protection Barrier at Sg. Mowtas (Gambar 1.2)</i>	2010	3.28
		<i>Conveyor Handling System</i>	2014	30.21
JUMLAH				73.03
3.	Kunak	<i>Upgrade Existing Bund/Barge</i>	2007	7.85
		<i>New Oil Terminal</i>	2007	31.35
		<i>Pipelines (Gambar 1.3)</i>	2007	10.95
		<i>New Oil Terminal</i>	2009	0.57
		<i>Palm Kernel Extract Handling Facilities (Gambar 1.4)</i>	2010	5.34
		<i>Pipeline Diversion</i>	2010	0.27
		<i>Design & Construction of PKE Loading Boom Support</i>	2013	0.28
		<i>Pipelines</i>	2016	0.19
		<i>PKE Handling Facilities</i>	2016	0.23
		<i>Port Equipment</i>	2013	0.10
<i>Port Equipment</i>	2016	0.42		
JUMLAH				57.55
4.	Tawau	<i>New Gate House</i>	2014	0.08
JUMLAH				0.08
JUMLAH KESELURUHAN				163.67

Sumber: Syarikat Konsesi

GAMBAR 1.1



Pelabuhan SBCP
 - Bangunan Sabah Port Sdn. Bhd.
 (04.04.2017)

GAMBAR 1.2



Pelabuhan Sandakan
 Oil Jetty - Protection Barrier at Sg. Mowtas
 (04.04.2017)

GAMBAR 1.3



**Pelabuhan Kunak
- Pipeline yang Dibina
(04.04.2017)**

GAMBAR 1.4



**Pelabuhan Kunak
Conveyer System Untuk Palm Kernel Extract
Handling Facilities
(04.04.2017)**

- d. Mengikut maklum balas daripada LPPS, **penyediaan infrastruktur dan port equipments bernilai RM163.67 juta yang tidak termasuk dalam Perjanjian Penswastaan Pelabuhan tidak dirujuk kepada LPPS untuk keputusan/kelulusan selanjutnya.**
- e. Bagaimanapun, syarikat konsesi memaklumkan bahawa keputusan untuk menyedia infrastruktur dan *port equipments* bernilai RM163.67 juta tersebut adalah disebabkan keperluan semasa dan keadaan Pelabuhan Kunak yang usang (seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008) serta bagi memenuhi *stakeholders* iaitu pengusaha industri kelapa sawit. Selain itu, pembinaan Ibu Pejabat dan Bangunan Operasi SPSB (termasuk bekalan perabot pejabat) bernilai RM33.01 juta adalah untuk mewujudkan tempat bekerja yang lebih kondusif bagi kakitangan syarikat konsesi.
- f. Kesan daripada keputusan syarikat konsesi untuk menyediakan infrastruktur di luar Perjanjian Penswastaan, terdapat infrastruktur seperti SBOT *Extension*, *Bunkering Line* dan *Liquid Berth* serta *port equipments* seperti *Straddle Carrier* dan *Gantry Crane* yang tidak disediakan mengikut perjanjian di Pelabuhan SBOT (RM38.19 juta), Pelabuhan Tawau (RM22.62 juta) dan Pelabuhan Lahad Datu (RM130.76 juta).

Maklum Balas LPPS yang Diterima pada 19 September 2017

Setuju bahawa perbelanjaan dan penyediaan infrastruktur dan port equipments yang tidak termasuk dalam Jadual 14 Perjanjian Penswastaan Pelabuhan perlu mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pihak LPPS sebelum perbelanjaan dilakukan. Selain itu, perbelanjaan pembinaan bangunan dan kelengkapan pejabat bagi Sabah Port Sdn. Bhd. belum dipersetujui dan perlu dibawa dalam mesyuarat bersama antara pengurusan LPPS dan Sabah Port Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan dan penyediaan infrastruktur dan *port equipments* adalah memuaskan kerana syarikat konsesi telah menyediakan infrastruktur dan *port equipments* melebihi sasaran. Bagaimanapun, perolehan berjumlah RM163.67 juta telah dibuat sebelum mendapat persetujuan LPPS/Kerajaan Negeri.

1.5.2. Prestasi Perkhidmatan Pelabuhan Sebelum dan Selepas Penswastaan

Pihak SPSB adalah bertanggungjawab untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelabuhan bagi memastikan objektif penswastaan dapat dicapai sepenuhnya. Prestasi perkhidmatan pelabuhan dinilai dari segi *total tonnage handled* dan purata masa kelewatan kapal sebelum dan selepas penswastaan serta mendapatkan maklum balas daripada pengguna. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

1.5.2.1. Total Tonnage Handled

- a. *Total tonnage handled* adalah jumlah berat kargo yang dikendalikan melalui pelabuhan dan sebagai penanda aras bagi tahun berkenaan yang merupakan penyumbang kepada pendapatan syarikat konsesi dan LPPS.
- b. Analisis Audit terhadap prestasi *total tonnage handled* mendapati perkara berikut:
 - i. Berdasarkan rekod, *total tonnage handled* sebelum dan selepas penswastaan pelabuhan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.4
PERBANDINGAN TOTAL TONNAGE HANDLED
SEBELUM DAN SELEPAS PENSWASTAAN PELABUHAN

BIL.	PELABUHAN	SEBELUM PENSWASTAAN	SELEPAS PENSWASTAAN		
		2003 JUMLAH (MT)	2014 JUMLAH (MT)	2015 JUMLAH (MT)	2016 JUMLAH (MT)
1.	Sapangar Bay	1,552,357	6,566,094	5,821,494	5,874,972
2.	Kota Kinabalu	924,950	2,262,051	3,611,569	11,036,720
3.	Sandakan	7,148,164	8,147,471	7,513,865	6,610,245
4.	Tawau	5,890,366	5,057,748	4,610,176	4,557,548
5.	Lahad Datu	2,235,895	4,695,010	4,530,769	4,021,268
6.	Kunak	4,000	1,395,514	1,435,624	1,241,175
7.	Kudat	318,366	247,833	320,713	200,047
JUMLAH		18,074,098	28,371,721	27,844,210	33,541,975

Sumber: Rekod Syarikat Konsesi

Nota: MT - *Metric Tonne*

- ii. Analisis Audit mendapati *total tonnage handled* selepas penswastaan menunjukkan trend meningkat iaitu 18.07 juta MT pada tahun 2003 (sebelum penswastaan pelabuhan) kepada 28.37 juta (57%), 27.84 juta

(54.1%) dan 33.54 juta (85.6%) MT bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016.

- iii. Selain itu, bagi Pelabuhan Sapangar Bay, jumlah *tonnage handled* menunjukkan trend meningkat daripada 1.55 juta MT (sebelum penswastaan) tahun 2003 kepada 5.87 juta MT pada tahun 2016 (selepas penswastaan). Di samping itu, didapati Pelabuhan Kota Kinabalu dan Pelabuhan Kunak menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 0.92 juta dan 4,000 MT pada tahun 2003 (sebelum penswastaan pelabuhan) kepada 11.04 juta (1,093.2%) dan 1.24 juta (30,929.4%) MT pada tahun 2016 (selepas penswastaan). Ini adalah disebabkan wujudnya Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT) dan projek menaik taraf Pelabuhan Kunak dan akibatnya pertambahan jumlah *tonnage handled* telah menyumbang kepada jumlah pendapatan syarikat konsesi.
- iv. Sebaliknya, berdasarkan laporan *port statistics* yang disediakan oleh syarikat konsesi didapati Pelabuhan Sandakan dan Pelabuhan Tawau menunjukkan trend menurun dari segi *total tonnage handled* iaitu 7.15 juta MT dan 5.89 juta MT pada tahun 2003 (sebelum penswastaan pelabuhan) kepada 6.61 juta (7.6%) dan 4.56 juta (22.6%) MT pada tahun 2016. Ini disebabkan jumlah ketibaan kapal menurun di samping keadaan ekonomi dunia yang lembap. Kesannya, jumlah kargo dikendalikan di dua pelabuhan tersebut telah menurun.

Pada pendapat Audit, prestasi perkhidmatan pelabuhan adalah memuaskan kerana lima pelabuhan daripada tujuh pelabuhan menunjukkan peningkatan *total tonnage handled* berbanding tahun 2003, iaitu sebelum penswastaan pelabuhan.

1.5.2.2. Purata Masa Kelewatan Kapal

- a. *Standard Operating Procedures (SOP)* untuk “*provision of port administration, warehousing, conventional cargo, dry bulk and bulk liquid cargo & containerised cargo handling services, collection of midstream operation port charges*” yang disediakan oleh syarikat konsesi tidak menetapkan purata masa kelewatan kapal yang boleh diterima (*acceptable time of delay*) dalam pengendalian kontena kapal. Oleh itu, bagi menilai prestasi perkhidmatan pelabuhan, purata masa kelewatan (*delay of vessel*) setiap kapal hendaklah menunjukkan trend yang menurun.
- b. Analisis Audit terhadap rekod *analysis of delay* perkapalan bagi pengendalian kontena untuk tiga pelabuhan iaitu Pelabuhan Sapangar Bay, Pelabuhan Sandakan dan Pelabuhan Tawau mendapati perkara berikut:

- i. Bilangan kapal berlabuh di ketiga-tiga pelabuhan dan purata tempoh kelewatan setiap kapal bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.5
TEMPOH KELEWATAN**

PERKARA	SAPANGAR BAY (KONTENA)			SANDAKAN (KONTENA)			TAWAU (KONTENA)		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016
Jumlah Kapal (Buah)	585	503	471	154	118	124	156	132	130
Purata Masa Kelewatan Setiap Kapal (Jam)	9.37	8.89	6.87	6.92	6.58	8.43	9.36	10.44	10.54

Sumber: Syarikat Konsesi

- ii. Purata masa kelewatan pengendalian kontena kapal bagi Pelabuhan Sapangar Bay adalah 9.37, 8.89 dan 6.87 jam untuk setiap kapal bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016 dan ini menunjukkan perkhidmatan pengendalian kontena kapal adalah bertambah baik kerana masa kelewatan pengendalian kapal menunjukkan trend menurun.
- iii. Manakala purata masa kelewatan pengendalian kontena kapal bagi Pelabuhan Sandakan adalah 6.92, 6.58 dan 8.43 jam setiap kapal bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Ini menunjukkan perkhidmatan pengendalian kontena kapal adalah kurang memuaskan kerana purata masa kelewatan menunjukkan trend meningkat daripada 6.92 jam kepada 8.43 jam setiap kapal.
- iv. Purata masa kelewatan pengendalian kontena kapal bagi Pelabuhan Tawau adalah 9.36, 10.44 dan 10.54 jam setiap kapal bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Ini juga menunjukkan perkhidmatan pengendalian kontena kapal adalah kurang memuaskan kerana purata masa kelewatan menunjukkan trend meningkat daripada 9.36 jam kepada 10.54 jam setiap kapal.
- v. Purata masa kelewatan berlaku adalah disebabkan oleh beberapa keadaan atau faktor seperti keadaan semasa hujan, pasang surut paras air, angin kuat, pertukaran kapal, pembersihan ruang kargo kapal dan mesin rosak.
- vi. Selain itu, analisis Audit terhadap **Jadual 1.2** (Prestasi Penyediaan *Infra* dan *Port Equipments* oleh Syarikat Konsesi bagi Tempoh tahun 2004 Hingga 2016) menunjukkan perolehan *port equipments* oleh syarikat konsesi untuk Pelabuhan Sandakan dan Pelabuhan Tawau tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Mengikut *Schedule 14*, syarikat konsesi hendaklah menyediakan *port equipments* berjumlah RM39.80 juta (Pelabuhan Sandakan) dan RM75.81 juta (Pelabuhan Tawau) setakat

akhir tahun 2016. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2016, syarikat konsesi hanya memperolehi *port equipments* bernilai RM35.22 juta (88.5%) untuk Pelabuhan Sandakan dan RM23.64 juta (31.2%) untuk Pelabuhan Tawau.

- vii. Akibatnya, berlaku kelewatan dalam pengendalian kapal (*clearance of vessel*). Sehubungan dengan itu, hasil daripada analisis Audit terhadap maklum balas daripada soal selidik yang diterima daripada pengguna pelabuhan mendapati sebanyak 63 daripada 189 responden (33.3%) berpendapat telah berlaku kelewatan dalam pemunggahan barang-barang/kontena antara 12 jam hingga 72 jam kerana menunggu pemeriksaan kontena yang banyak dan *port equipments* selalu rosak.

Maklum Balas LPPS Semasa Mesyuarat Exit pada 19 September 2017

Pengendalian kargo/kontena di Pelabuhan Sandakan Dan Pelabuhan Tawau adalah melibat pelbagai kargo seperti dry bulk contohnya pengendalian baja. Selain itu, mesin yang digunakan adalah mesin terpakai. Sebagai contoh, mobile crane di Pelabuhan Sandakan merupakan mesin yang dipindahkan daripada Pelabuhan SBCP, di mana Pelabuhan SBCP telah membeli mesin baru iaitu gantry yang lebih moden dan cekap berbanding mobile crane dan semestinya pemunggahan kontena adalah lebih cepat dan cekap berbanding Pelabuhan Tawau dan Pelabuhan Sandakan.

Pada pendapat Audit, pengendalian kontena adalah tidak memuaskan kerana berlakunya peningkatan purata masa kelewatan kapal di Pelabuhan Sandakan dan Pelabuhan Tawau. Antara lainnya, peningkatan purata masa kelewatan kapal di Pelabuhan Sandakan dan Pelabuhan Tawau selepas penswastaan adalah disebabkan oleh perolehan *port equipments* yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

1.5.2.3. Kajian Kepuasan Pelanggan

Perkhidmatan yang cekap dan kemudahan yang lengkap merupakan faktor utama terhadap kepuasan pelanggan. Kualiti perkhidmatan pelabuhan yang disediakan perlu memenuhi kehendak pelanggannya (*port users*). Bagi menilai kepuasan *port users*, pihak Audit telah menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan maklum balas. Sebanyak 600 soal selidik telah diedarkan kepada *port users* yang berurusan dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan. Analisis Audit terhadap kaji selidik yang dijalankan mendapati perkara berikut:

- a. Daripada 600 soal selidik yang diedarkan, sebanyak 189 (31.5%) soal selidik telah dikembalikan seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 1.6
BILANGAN SOAL SELIDIK DIEDARKAN DAN DIKEMBALIKAN

BIL.	PELABUHAN	BILANGAN SOAL SELIDIK	
		DIEDARKAN	DIKEMBALIKAN/TERIMA
1.	Sapangar Bay	200	29
2.	Kota Kinabalu	100	60
3.	Sandakan	100	68
4.	Tawau	100	6
5.	Lahad Datu	100	26
JUMLAH		600	189

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Hasil maklum balas daripada 189 responden yang diperolehi adalah seperti **Jadual 1.7** dan analisis lanjut adalah seperti perenggan berikut:

JADUAL 1.7
MAKLUM BALAS DARIPADA SOAL SELIDIK

BIL.	PERKARA	YA	TIDAK	TIADA JAWAPAN/ BERKECUALI
1.	Pernah berlaku masalah sepanjang menggunakan perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan selepas penswastan dilaksanakan?	29	151	9
2.	Adakah masalah telah diambil tindakan oleh SPSB?	120	20	49
3.	Adakah kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di pelabuhan baik/memuaskan?	155	26	8
4.	Adakah perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan aktiviti perniagaan anda?	167	13	9
5.	Adakah persekitaran pelabuhan bersih, selesa dan wujud langkah-langkah menjaga keselamatan oleh SPSB?	179	7	3
6.	Adakah kemudahan kelengkapan dan infrastruktur di pelabuhan mencukupi dan berfungsi sepenuhnya?	151	33	5
7.	Pernah berlaku kelewatan dalam pemunggahan barang-barang milik anda?	63	106	20
8.	Adakah pelaksanaan penswastan pelabuhan telah meningkatkan produktiviti perniagaan anda?	148	32	9
9.	Adakah waktu berurusan mencukupi dan masa menunggu adalah singkat dalam menggunakan perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan?	170	14	5
10.	Secara keseluruhan, adakah penswastan pelabuhan dapat membantu peningkatan perniagaan anda?	165	18	6

Sumber: Jabatan Audit Negara

- i. Berdasarkan **Jadual 1.7** di atas, didapati sebanyak 151 daripada 189 responden (79.9%) tidak pernah menghadapi masalah semasa menggunakan perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan dalam tempoh penswastan pelabuhan. Bagaimanapun, baki 29 responden pernah menghadapi masalah semasa menggunakan perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan selepas penswastan. Antara masalah yang dibangkitkan adalah seperti *port equipments* selalu rosak, komputer

offline dan jentera tidak mencukupi. Di samping itu, 63.5% responden berpendapat masalah telah diatasi oleh syarikat konsesi dan hanya 10.6% responden pula menyatakan masalah yang mereka hadapi tidak diambil tindakan.

- ii. Sebanyak 155 daripada 189 responden (82%) berpendapat kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di pelabuhan adalah baik/memuaskan. Bagaimanapun, 26 responden (13.8%) berpendapat kualiti perkhidmatan adalah tidak baik/memuaskan. Analisis Audit juga mendapati 88.4% responden menyatakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka.
- iii. Sebanyak 179 (94.7%) responden berpendapat persekitaran pelabuhan adalah bersih, selesa dan wujud langkah-langkah menjaga keselamatan oleh syarikat konsesi dan hanya 3.7% responden tidak bersetuju.
- iv. Selain itu, 151 (79.9%) responden berpendapat kemudahan kelengkapan dan infrastruktur di pelabuhan adalah mencukupi dan berfungsi sepenuhnya. Bagaimanapun, 33 (17.5%) responden menyatakan kemudahan kelengkapan (*port equipments*) adalah tidak mencukupi kerana apabila berlaku kerosakan pada mesin ianya mengambil masa agak lama untuk diganti dan pemunggahan kontena akan mengambil masa yang lama; dan
- v. Secara keseluruhannya, didapati 165 daripada 189 (87.3%) responden menyatakan penswastan pelabuhan telah dapat membantu meningkatkan perniagaan mereka, manakala 9.5% dan 3.2% responden masing-masing menyatakan tidak dan berkecuali.

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas *port users*, perkhidmatan pelabuhan adalah pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, masalah yang disuarakan seperti masa menunggu yang agak lama antara 12 hingga 72 jam dan kerosakan pada mesin perlu diambil tindakan oleh syarikat konsesi untuk penambahbaikan perkhidmatan yang disediakan.

1.5.3. Bayaran oleh Syarikat Konsesi kepada LPPS/Kerajaan Negeri

Berdasarkan Perjanjian Penswastan Pelabuhan yang dimeterai, syarikat konsesi perlu membayar sejumlah RM210 juta kepada LPPS sebagai bayaran tetap (*fixed sum of consideration fee*) dan juga bayaran berkala (*periodic payments*). Semakan Audit terhadap prestasi bayaran oleh syarikat konsesi kepada LPPS/Kerajaan Negeri mendapati perkara berikut:

1.5.3.1. Fixed Sum of Consideration Fee (Bayaran Tetap)

- a. Klausula 5.2 Perjanjian Penswastaan Pelabuhan menetapkan “*Upon the execution of the Agreement the Concession Company shall pay to the Authority a deposit in the sum Ringgit Sixty Three Million (RM63,000,000) only. Provide that the deposit shall be refunded free of interest to the Concession Company within three (3) months of receipts of a written notice from the Concession Company in the event the Requisite Approvals are not obtained*”. And the balance of Fixed Sum Consideration amounting to Ringgit One Hundred and Forty Seven Million (147,000,000) payable after the Take-Over Date.”
- b. Semakan Audit terhadap prestasi bayaran tetap oleh SPSB mendapati perkara berikut:
 - i. Pendahuluan deposit berjumlah RM45 juta telah dibayar kepada Kerajaan Negeri pada 14 Januari 2003. Manakala baki berjumlah RM18 juta telah dibayar kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 23 September 2003 (seperti dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008).
 - ii. Bayaran *Fixed Sum Consideration* berjumlah RM147 juta yang sepatutnya diterima oleh LPPS telah dibayar kepada Kerajaan Negeri pada 27 September 2004. Mengikut maklum balas daripada syarikat konsesi, bayaran yang telah dibuat kepada Kerajaan Negeri adalah sama dengan membayar kepada LPPS.
 - iii. Mengikut Penyata Kewangan LPPS bagi tahun 2015, sejumlah RM144.41 juta telah dinyatakan sebagai jumlah yang dihutang oleh Kerajaan Negeri. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada bayaran *Fixed Sum Consideration* yang sepatutnya diterima oleh LPPS seperti dalam Perjanjian Penswastaan Pelabuhan.

1.5.3.2. Periodic Payments

- a. Selain daripada *Fixed Sum Of Consideration Fee*, syarikat konsesi juga dikehendaki membuat bayaran berkala (*periodic payment*) kepada LPPS seperti mana yang dimaktubkan dalam Klausula 5.3 Perjanjian Penswastaan Pelabuhan. Butiran lanjut mengenai bayaran berkala adalah seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 1.8
BAYARAN BERKALA (*PERIODIC PAYMENT*) KEPADA LPPS

BIL.	TEMPOH	BAYARAN
1.	1 - 5 tahun pertama (2004 – 2008)	RM1 juta setahun.
2.	6 – 10 tahun berikutnya (2009 – 2013)	i. RM 3 juta setahun, dan ii. RM0.75 per metrik tan bagi setiap berat muatan kargo yang dikendalikan sekiranya melebihi <i>threshold</i> 10 juta metrik tan.
3.	11 – 30 tahun berikutnya (2014 – 2033)	i. RM5 juta setahun, dan ii. RM0.75 per metrik tan bagi setiap berat muatan kargo yang dikendalikan sekiranya melebihi <i>threshold</i> 10 juta metrik tan.

Sumber: Perjanjian Penswastaan Pelabuhan

- b. Semakan Audit terhadap prestasi *periodic payments* oleh syarikat konsesi mendapati:
- i. Syarikat konsesi telah membuat bayaran berkala dengan teratur seperti mana yang ditetapkan dalam Perjanjian Penswastaan Pelabuhan.
 - ii. Setakat akhir tahun 2016, jumlah bayaran berkala yang diterima oleh LPPS daripada syarikat konsesi ialah RM34.33 juta.

Pada pendapat Audit, syarikat konsesi telah mematuhi klausa-klausa Perjanjian Penswastaan Pelabuhan dari aspek bayaran tetap dan berkala.

1.5.4. Pemantauan oleh LPPS

1.5.4.1. Pemantauan Terhadap Syarikat Konsesi

- a. Subseksyen 13(1) Sabah Ports (Privatisation) Enactment 1998, menetapkan “*Every Licensed operator shall:*
- (a) *within three months after the end of each financial year or such longer period as the Port Authority may allow, submit to the Port Authority – a report of its operation during the financial year containing such information as is necessary to enable the Port Authority to make an informed assessment of such operation and (ii) its audited annual balance sheet, profit and loss account, together with any note thereon, and the reports of the auditor and the directors; and*
 - (b) *submit to the Port Authority (i) such statistical information relating to its operation as may be required by the Port Authority from time to time; (ii) its cargo forecast over such period and in such form as may be determined by Port Authority from time to time.”*

- b. Semakan Audit terhadap pemantauan oleh LPPS terhadap penswastaan pelabuhan mendapati:
 - i. LPPS ada menerima laporan penyata kewangan tahunan beraudit syarikat konsesi setiap tahun.
 - ii. Syarikat konsesi juga telah mengemukakan laporan statistik pelabuhan yang mengandungi perkara seperti *commercial and operational statistics*, *passenger ships*, *commodity statistics* dan *containers statistics* kepada LPPS.
 - iii. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati penyata kewangan dan laporan statistik pelabuhan yang diterima tidak dibincangkan dengan syarikat konsesi untuk menilai prestasi perkhidmatan pelabuhan sebelum dan selepas penswastaan serta memastikan syarat-syarat Perjanjian Penswastaan Pelabuhan dipatuhi.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh LPPS terhadap penswastaan pelabuhan adalah memuaskan. Bagaimanapun, penyediaan dan penyerahan penyata kewangan tahunan dan laporan statistik pelabuhan oleh syarikat konsesi tanpa dibuat penilaian atau perbincangan berkala adalah tidak mencukupi.

1.5.4.2. Pemantauan Terhadap Jeti Persendirian (*Sufferance Wharves*)

- a. Selain daripada pelabuhan yang dikendalikan oleh SPSB, Perjanjian Penswastaan Pelabuhan juga menetapkan bayaran berkala kepada LPPS adalah termasuk pengendalian muatan kargo di jeti persendirian seperti berikut:
 - i. Klausula 3.1.1(e) – “*charge and collect on behalf of the Authority the Sufferance Wharves charges and pay to the Authority the proportion of the Sufferance Wharves charges as provided in this Agreement and retain the remainder*”;
 - ii. Klausula 5.3.4. – “*The amount equivalent to ten per centum (10%) of the yearly Sufferance Wharves income actually received by the Concession Company throughout the Concession Period to be paid in advance the first payment to be paid on a date falling twenty-one (21) working days after the Take-over Date and thereafter within the first month of each subsequent Concession Year.*”
- b. Bagi mengurus jeti persendirian, LPPS telah mengeluarkan Pekeliling Pelabuhan Bil.01/2015, Operasi Dan Caj Pelabuhan Ke Atas Tempat

Pendaratan yang Dibenarkan Selain Daripada Pelabuhan (Jeti Persendirian dan Operasi di Perairan) kepada semua pengguna pelabuhan. Antara lainnya, pekeliling ini menetapkan:

- i. semua pengendali tempat pendaratan selain daripada pelabuhan dalam Negeri Sabah seperti yang diisytiharkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah perlu mendapatkan kelulusan lesen serta surat kebenaran terlebih dahulu daripada LPPS;
 - ii. semua pemegang Lesen Jeti Persendirian dan Lesen Operasi di Perairan hendaklah memastikan bahawa kesemua aktiviti serta kargo yang dibawa masuk dan keluar daripada tempat pendaratan yang dilesenkan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan undang-undang lain yang berkuat kuasa ke atasnya dari semasa ke semasa;
 - iii. mana-mana pemilik kapal atau pemilik barang-barang sama ada yang dibawa masuk atau keluar daripada tempat pendaratan yang dilesenkan mesti mengisytiharkan aktiviti dan kargo masing-masing dengan teratur serta bertanggungjawab untuk memastikan bayaran dius dan caj pelabuhan dibayar sepenuhnya; dan
 - iv. semua kapal yang menjalankan operasi (memuat naik dan/atau memuat turun kargo) di mana-mana pelabuhan yang ditetapkan atau *Sufferance Wharves* dalam Negeri Sabah hendaklah mengisytiharkan dan menyerahkan dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti Borang A (Notis Ketibaan Kapal) dan Pengisytiharan Masuk/Keluar kepada SPSB menurut prosedur yang ditetapkan bagi membolehkan SPSB membuat pengiraan tentang dius dan caj pelabuhan yang perlu dibayar.
- c. Kargo/barangan yang dikendalikan melalui jeti persendirian adalah seperti bahan binaan, petrol, kayu kayan, pasir dan hasil laut. Selain itu, setiap lesen jeti persendirian dikenakan bayaran berjumlah RM500 hingga RM1,500 setahun dan wajib diperbaharui apabila tamat tempohnya. Mengikut rekod jeti persendirian, sebanyak 159 jeti persendirian telah berdaftar di LPPS seperti jadual berikut:

JADUAL 1.9
BILANGAN JETI PERSENDIRIAN MENGIKUT DAERAH

BIL.	DAERAH	BILANGAN JETI PERSENDIRIAN
1.	Kota Kinabalu	17
2.	Sandakan	80
3.	Tawau	39
4.	Lahad Datu	15
5.	Kudat	8
JUMLAH		159

Sumber: LPPS

- d. Semakan Audit terhadap pemantauan jeti persendirian oleh LPPS mendapati:
- i. Tidak ada tunggakan bagi lesen jeti persendirian dan semua lesen adalah sah.
 - ii. Bagi tempoh dua tahun (2015 dan 2016) *total tonnage handled* di jeti persendirian adalah 28.84 juta MT (47%) berbanding 32.54 juta MT yang dikendalikan oleh semua pelabuhan di Negeri Sabah. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.10
PERBANDINGAN TOTAL TONNAGE HANDLED ANTARA
PELABUHAN DAN JETI PERSENDIRIAN UNTUK TAHUN 2015 DAN 2016

BIL.	PERKARA	TAHUN 2015		TAHUN 2016		JUMLAH KESELURUHAN	
		JUMLAH (MT)	(%)	JUMLAH (MT)	(%)	JUMLAH (MT)	(%)
1.	Pelabuhan	16,834,876	60.5	15,701,557	46.8	32,536,433	53.0
2.	Jeti Persendirian	11,009,334	39.5	17,840,418	53.2	28,849,752	47.0
JUMLAH		27,844,210	100	33,541,975	100	61,386,185	100

Sumber: LPPS

- iii. Bayaran berkala yang dibuat oleh syarikat konsesi adalah termasuk *total tonnage handled* oleh jeti persendirian. Bagaimanapun, kuantiti kargo adalah berdasarkan dokumen seperti Borang A (Notis Ketibaan Kapal) dan Pengisytiharan Masuk/Keluar yang dikemukakan kepada syarikat konsesi oleh pengguna pelabuhan/jeti persendirian.
- iv. Semakan terhadap Perjanjian Penswastaaan Pelabuhan mendapati, tiada klausa khusus berkaitan tanggungjawab pemantauan sama ada oleh LPPS mahupun SPSB untuk mengawal/memantau aktiviti pengendalian kargo di jeti persendirian.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati, LPPS hanya mempunyai enam pegawai yang telah ditugaskan untuk mengurus dan memantau 159 jeti persendirian yang berdaftar. Nisbah beban tugas adalah 1:26.5 iaitu setiap seorang pegawai LPPS perlu mengawal dan memantau lebih daripada 26 jeti persendirian.
- vi. Kekurangan anggota dan logistik untuk membuat rondaan oleh LPPS menyebabkan aktiviti yang dikendalikan di jeti persendirian tidak dapat dikawal sepenuhnya serta pendaratan dan pemunggahan barangan/kargo tidak dapat dikesan dan dilaporkan kepada syarikat konsesi atau LPPS. Hasil lawatan Audit bersama pegawai LPPS dan SPSB ke jeti persendirian Sapangar Bay, Tanjung Batu (Tawau) dan Sandakan mendapati barangan dalam kotak dan berbungkus, pemunggahan balak dan pasir telah dikendalikan tanpa kehadiran

pegawai LPPS atau syarikat konsesi. Keadaan semasa lawatan Audit adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.5



Sapangar Bay
- Pemungghaan Kargo di Jeti Persendirian
(29.03.2017)

GAMBAR 1.6



Sapangar Bay
- Pemungghaan Kargo Dalam Kotak dan Tiada
Pegawai Bertugas Untuk Mengesahkan
(29.03.2017)

GAMBAR 1.7



Jeti Persendirian Tanjung Batu Tawau
- Kayu Balak yang Dipunggh Turun Dari
Tongkang Tanpa Pengesahan Pegawai
(18.04.2017)

GAMBAR 1.8



Sandakan
- Pendaratan Pasir di Luar Kawasan Jeti
Persendirian Milik Syarikat
(04.04.2017)

vii. Selain itu, masalah kekangan sumber manusia, LPPS atau syarikat konsesi masih belum menyediakan SOP yang komprehensif dan jelas menunjukkan tanggungjawab pemantauan terhadap jeti persendirian.

viii. Sehubungan dengan itu, pengendalian kargo melalui jeti persendirian tanpa dikawal oleh pegawai LPPS adalah berisiko kepada caj tidak dapat dikutip dan kemungkinan menjadi tempat penyeludupan. Oleh yang demikian, pihak LPPS perlu menghadkan atau menetapkan hanya barangan/kargo seperti kayu kayan, petrol, batu batan, pasir, ikan dan barangan bahan binaan yang dibenarkan. Selain itu, setiap pemegang lesen jeti persendirian perlu mengemukakan laporan bulanan kepada pihak LPPS untuk memudahkan pemantauan aktiviti jeti persendirian.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap jeti persendirian adalah tidak memuaskan kerana pengendalian kargo di jeti persendirian tidak diseliasa dengan sewajarnya.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan penswastaaan pelabuhan dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi mencapai objektifnya, adalah disyorkan agar LPPS mempertimbangkan perkara berikut:

1.6.1. memastikan perbelanjaan infrastruktur dan pembelian *port equipments* berjumlah RM163.67 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2016 perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri/Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah untuk mencari jalan penyelesaian dan mengelakkan pertikaian di masa hadapan;

1.6.2. mewujudkan jawatankuasa khas yang perlu bermesyuarat secara berkala untuk membincang penyata kewangan tahunan dan laporan statistik pelabuhan agar dapat meningkatkan prestasi perkhidmatan pelabuhan serta memastikan syarat-syarat perjanjian dipatuhi; dan

1.6.3. bekerjasama dengan SPSB dalam penyediaan SOP yang komprehensif dan jelas menunjukkan tanggungjawab masing-masing terhadap pemantauan ke atas jeti persendirian agar aktiviti yang dikendalikan di jeti persendirian dapat dikawal dengan sewajarnya.

2. PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Rancangan Pemelegaan *Outdoor Relief* mula diperkenalkan pada tahun 1964 yang ditadbir mengikut Akta Tabung Papa 1923. Bagaimanapun, pada 16 September 1970 Akta Tabung Papa dimansuhkan dan skim ini telah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat (JPKM). Setelah diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, program ini dikenali sebagai Skim Bantuan Am (SBAM).

2.1.2. SBAM merupakan satu skim bantuan yang bertujuan untuk memberi kelegaan yang bersifat sementara iaitu untuk tempoh 12 bulan kepada individu atau ahli keluarga yang memerlukannya. Bagaimanapun, bayaran bantuan masih boleh dilanjutkan selepas tamat tempoh 12 bulan dengan syarat penerima masih layak.

2.1.3. Di Negeri Sabah, SBAM ditadbir dan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS). Objektif JPKAS adalah melahirkan masyarakat yang mengamalkan budaya ikram selaras dengan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu melalui perkongsian tanggungjawab dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan, memberi perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JPKAS serta membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari. Jabatan ini bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan program SBAM. Mulai tahun 2010, JPKAS telah menggunakan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan *Online* (eSBK) bagi melaksanakan pengurusan SBAM.

2.1.4. JPKAS diketuai oleh seorang Pengarah Gred S54 dan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah Gred S52. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, JPKAS mempunyai enam Pejabat Kebajikan Bahagian iaitu di Beaufort, Keningau, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan dan Tawau. Setiap Pejabat Kebajikan Bahagian diketuai oleh Penolong Pengarah Bahagian Gred 41/44 yang menyelia sebanyak 32 Pejabat Kebajikan Daerah (PKD)/Daerah Kecil yang diketuai seorang Pegawai Kebajikan Daerah Gred S29/36.

2.1.5. Pada tahun 2012, pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap Program Skim Bantuan Am dan hasil kajian telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Sabah) Tahun 2012 Siri 1. Antara perkara yang dibangkitkan adalah siasatan ke rumah tidak dilaksanakan; bayaran bantuan tidak mengikut kelayakan yang sepatutnya; bantuan dibayar kepada penerima yang telah meninggal dunia; dan bantuan dibayar kepada penerima yang tidak kemukakan borang permohonan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan SBAM telah dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi empat bidang utama (*key areas*) iaitu prestasi kewangan, prestasi kelulusan SBAM; proses kelulusan; proses bayaran; dan pemantauan SBAM. Bagaimanapun, skop pengauditan ini tidak meliputi pengauditan ICT terhadap sistem eSBK. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat JPKAS, Pejabat Kebajikan Daerah Kota Kinabalu, Beaufort dan Kota Marudu. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2015 hingga 2017 serta semakan Audit dibuat ke atas 30% atau 1,004 fail penerima peribadi daripada 3,297 orang penerima di tiga buah daerah. Daripada jumlah fail yang disemak, sebanyak 153 sampel atau 15% dipilih untuk lawatan Audit ke rumah penerima. Semakan dan analisis Audit telah dijalankan ke atas 1,004 fail penerima SBAM di tiga buah daerah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.1
SAMPEL AUDIT**

DAERAH	JUMLAH PENERIMA BANTUAN (Orang)	FAIL PERIBADI DISEMAK		LAWATAN KE RUMAH	
		(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)
Kota Kinabalu	1,405	420	29.9	63	15.0
Beaufort	635	200	31.5	30	15.0
Kota Marudu	1,257	384	30.5	60	15.6
JUMLAH	3,297	1,004	30.4	153	15.2

Sumber: JPKAS

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak garis panduan, daftar penerima bantuan, fail penerima bantuan, fail Jawatankuasa Penimbang Bantuan Kebajikan Negeri Sabah (Jawatankuasa Penimbang), baucar bayaran dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Selain itu, lawatan Audit ke rumah penerima dan temu bual dengan pegawai dan penerima terlibat juga telah dijalankan.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April 2017 hingga Julai 2017 mendapati pengurusan SBAM adalah memuaskan daripada aspek prestasi agihan peruntukan, kelulusan permohonan mengikut kuota yang ditetapkan dan pemantauan Ibu Pejabat JPKAS terhadap Pejabat Kebajikan Daerah. Bagaimanapun, beberapa perkara perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:

- i. peruntukan SBAM tidak mencukupi kerana hanya 46.5% dan 45.9% kuota bantuan diluluskan bagi tahun 2015 dan 2016 berbanding permohonan yang layak;
- ii. daripada 1,004 permohonan bantuan, Jawatankuasa Penimbang telah meluluskan sebanyak 161 (16%) permohonan yang tidak mempunyai pengesahan daripada Penolong Pengarah Bahagian/Pegawai Kebajikan Daerah dalam borang permohonan serta dua daripada tiga Jawatankuasa Penimbang tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan; dan
- iii. tiada garis panduan khusus dan jelas yang boleh dirujuk bagi kaedah pelaksanaan lapor diri.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPKAS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 23 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi SBAM

2.5.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Sumber peruntukan bagi SBAM ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah. JPKAS melalui Bahagian Bantuan Sosial akan mengemukakan anggaran keperluan perbelanjaan SBAM kepada Bahagian Kewangan JPKAS sebelum dibawa ke Mesyuarat Bajet bagi mendapatkan kelulusan. Semakan terhadap fail bajet SBAM mendapati sepanjang tahun 2015 sehingga 2017, sejumlah RM39.3 juta dipohon setiap tahun.
- b. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri Sabah meluluskan peruntukan berjumlah RM38 juta setahun bagi SBAM dan JPKAS berjaya membelanjakan lebih 98% daripada peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2015 dan 2016. Peruntukan dan prestasi perbelanjaan SBAM bagi tahun 2015 hingga bulan Mac 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SBAM BAGI TAHUN 2015 HINGGA MAC 2017

TAHUN	PERUNTUKAN DIPOHON (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2015	39.3	38	37.65	99.0
2016	39.3	38	37.43	98.5
2017 (Setakat Bulan Mac)	39.3	38	9.49	25.0
JUMLAH	117.9	114	84.57	74.18

Sumber: JPKAS

- c. Analisis Audit mendapati peratus perbelanjaan SBAM adalah 99.0% pada tahun 2015 dan 98.5% pada tahun 2016. Didapati JPKAS berjaya mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan. Menurut pegawai yang bertanggungjawab, kelulusan permohonan baru dibuat secara bulanan oleh Jawatankuasa Penimbang berdasarkan kuota yang ditetapkan. Semakan selanjutnya mendapati aplikasi sistem eSBK yang digunakan telah berjaya mengawal jumlah kelulusan penerima bantuan secara bulanan berdasarkan kuota yang ditetapkan dan mengelakkan bantuan diagihkan melebihi daripada peruntukan.

2.5.1.2. Prestasi Kelulusan

- a. Permohonan yang telah diterima dengan lengkap akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penimbang untuk kelulusan. Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa Penimbang yang dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Bahagian ditubuhkan di setiap Pejabat Bahagian Kebajikan dan diturunkan kuasa oleh Pengarah JPKAS untuk meluluskan permohonan bantuan mengikut kuota yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 6,701 permohonan yang lengkap telah diterima dan diproses oleh JPKAS untuk tempoh tahun 2015 hingga bulan Mac 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59.0% ataupun 3,952 permohonan telah diluluskan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
PERMOHONAN YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERMOHONAN (Bil.)	KUOTA (Bil.)	PERMOHONAN DILULUSKAN		
			(Bil.)	BERBANDING BIL. PERMOHONAN (%)	BERBANDING KUOTA (%)
2015	3,581	3,941	1,831	51.1	46.5
2016	3,006	4,448	2,041	67.9	45.9
2017*	114	1,873	80	70.2	4.3
JUMLAH	6,701	10,262	3,952	59.0	38.5

Sumber: JPKAS

Nota: (*) – Setakat Bulan Mac

- c. Analisis Audit terhadap **Jadual 2.3** menunjukkan jumlah permohonan SBAM pada tahun 2015 adalah sebanyak 3,581 orang dan pada tahun 2016 jumlah permohonan berkurangan kepada 3,006 pemohon. Selain itu, didapati bilangan kelulusan permohonan adalah sebanyak 1,831 pada tahun 2015 dan jumlah ini meningkat kepada 2,041 pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 210 kelulusan.
- d. Analisis selanjutnya mendapati peratus kelulusan permohonan berbanding kuota pada tahun 2015 adalah sebanyak 46.5% dan berlaku sedikit penurunan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 45.9%. Namun begitu, pada tahun 2015 dan 2016, didapati perbelanjaan SBAM yang masing-masing telah mencapai 99% dan 98.5% walaupun sebanyak 53.5% dan 54.1% kuota belum dipenuhi.
- e. Menurut pegawai yang bertanggungjawab, bilangan bantuan yang diluluskan adalah berdasarkan peruntukan yang disediakan dan agihan akan diberikan kepada pemohon yang sangat memerlukan. Berdasarkan kepada rekod JPKAS, sebanyak 1,900 atau 69% daripada 2,749 baki permohonan yang tidak diluluskan adalah layak dari segi kriteria penerima bantuan. Kekangan peruntukan menyebabkan bilangan permohonan yang layak tidak dapat menerima bantuan sewajarnya. Keadaan ini menjejaskan matlamat jabatan untuk menyampaikan perkhidmatan sosial kepada golongan yang memerlukan.

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

Sebahagian daripada pemohon yang tidak layak menerima SBAM akan dipertimbangkan untuk menerima skim bantuan lain seperti Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-kanak, Skim Bantuan Anak Yatim dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, JPKAS telah berjaya membelanjakan 98.5% hingga 99.0% peruntukan pada tahun 2016 dan 2015. Bagaimanapun, perbelanjaan ini hanya meliputi 45.9% hingga 46.5% permohonan yang diluluskan berbanding kuota.

2.5.2. Proses Kelulusan

Menurut Dasar Skim Bantuan Am 1985, semua borang permohonan yang didaftarkan pada tiap-tiap bulan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Skim Bantuan Am sebulan sekali. Jawatankuasa ini bertanggung jawab untuk menentukan kadar bantuan dan tempoh kelulusan sama ada 12 atau enam bulan mengikut keadaan kes.

2.5.2.1. Pengesahan Permohonan

- a. Pemohon ataupun wakil hendaklah datang ke Pejabat Kebajikan Daerah untuk memohon bantuan dengan mengisi Borang BAM/IN/01 dengan lengkap termasuk mendapatkan ulasan Ketua Kampung/Pengerusi JKKK dan menyerahkan borang tersebut dengan dokumen sokongan ke Pejabat Kebajikan Daerah untuk diproses. Pegawai yang menjalankan siasatan akan menemu duga ataupun menjalankan siasatan terhadap permohonan dan melengkapkan Perakuan Pegawai Penyiasat/Pekerja Kes Bahagian 23 pada borang tersebut. Bahagian 24 pada borang BAM/IN/01 hendaklah dilengkapkan oleh Penolong Pengarah Bahagian (PPB) ataupun Pegawai Kebajikan Daerah bagi memberikan pengesahan sama ada menyokong permohonan tersebut atau sebaliknya berdasarkan ulasan Perakuan Pegawai Penyiasat/Pekerja Kes. Selain daripada borang permohonan, Pegawai Penyiasat/pekerja kes dan Penolong Pengarah Bahagian ataupun Pegawai Kebajikan Daerah hendaklah memasukkan ulasan seperti mana di borang ke dalam eSBK. Tanpa ulasan dan pengesahan tersebut, permohonan tidak akan diproses oleh sistem tersebut.
- b. Semakan Audit terhadap 1,004 buah fail di tiga Pejabat Kebajikan Daerah mendapati sebanyak 161 permohonan diluluskan tanpa pengesahan pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian 23 dan 24 borang permohonan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
PERMOHONAN DILULUSKAN TANPA PENGESAHAN
PEGAWAI DI BAHAGIAN 23 DAN 24 BORANG PERMOHONAN

PEJABAT KEBAJIKAN DAERAH	FAIL DISEMAK	BILANGAN BORANG YANG TIDAK DIISI DALAM BAHAGIAN 23 DAN 24	PERATUS (%)
Kota Kinabalu	420	140	33.3
Beaufort	200	18	9.0
Kota Marudu	384	3	0.8
JUMLAH	1,004	161	16.0

Sumber: JPKAS

Nota: Bahagian 23 - Perakuan Pegawai Penyiasat/Pekerja Kes

Bahagian 24 - Ulasan Penolong Pengarah Kebajikan Bahagian/ Pegawai Kebajikan Daerah

- c. Analisis terhadap **Jadual 2.4** mendapati Pejabat Kebajikan Daerah (PKD) Kota Kinabalu mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 140 permohonan yang diluluskan tanpa pengesahan, diikuti dengan PKD Beaufort sebanyak 18 permohonan dan PKD Kota Marudu sebanyak tiga permohonan.
- d. Semasa *Exit Conference* pada 23 Ogos 2017, JPKAS memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan oleh kelalaian Pegawai Penyiasat Kes dan Pegawai Pelulus semasa menjalankan siasatan kes dan meluluskan bantuan. Selain itu, ia juga disebabkan pegawai yang menguruskan dan

meluluskan bantuan yang baharu/kurang kemahiran dalam membuat pengesahan Borang Permohonan.

- e. Permohonan yang tidak disahkan boleh menyebabkan keraguan terhadap permohonan yang diluluskan. Permohonan tanpa ulasan PPB ataupun Pegawai Kebajikan Daerah tidak sepatutnya diluluskan di peringkat jawatankuasa ini.

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelalaian Pegawai Penyiasat Kes dan Pegawai Pelulus semasa menjalankan siasatan kes dan meluluskan bantuan. Selain itu, ia juga disebabkan pegawai baharu yang menguruskan dan meluluskan bantuan kurang kemahiran dalam membuat pengesahan Borang Permohonan. Bagaimanapun, Perakuan Pegawai Penyiasat/Pekerja Kes dan ulasan Penolong Pengarah Bahagian (PPB) ataupun Pegawai Kebajikan Daerah ada dibuat di dalam Sistem Pengurusan Kebajikan On-line (eSBK) kerana sekiranya Bahagian 23 dan 24 tidak diisi, bantuan tidak dapat diproses oleh sistem. Bagaimanapun, JPKAS akan memastikan perkara ini tidak akan berulang pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, proses pengesahan permohonan adalah memuaskan kerana Jawatankuasa Penimbang telah meluluskan sebanyak 843 (84%) permohonan yang lengkap/diperakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

2.5.2.2. Kadar Bantuan

- a. Bantuan dan elaun tanggungan hendaklah dibayar mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan oleh Dasar Skim Bantuan Am 1985 dan Surat Pembayaran Kadar Baru Skim Bantuan Am, Skim Bantuan Anak Yatim dan Miskin dan Tabung Rayuan dan Derma-derma.
- b. Menurut Dasar Skim Bantuan Am 1985, kadar bantuan bulanan adalah maksimum RM130. Bagaimanapun, Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah boleh meluluskan bantuan melebihi kadar maksimum RM130 sebulan tetapi tidak melebihi RM150. Selain itu, kadar elaun bulanan kepada tanggungan penerima adalah RM10 setiap satu hingga enam tanggungan biasa dan RM15 setiap penerima cacat atau tanggungan yang cacat. Namun begitu, mulai 1 Januari 2009, kadar bantuan dan elaun kepada tanggungan baharu telah dikuatkuasakan melalui Surat Pembayaran Kadar Baru Skim Bantuan Am, Skim Bantuan Anak Yatim dan Miskin dan Tabung Rayuan dan

Derma-derma. Kadar tersebut digunakan sehingga kini seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.5
KADAR BANTUAN PENERIMA BANTUAN DAN ELAUN TANGGUNGAN**

KRITERIA PENERIMA		DASAR SKIM BANTUAN AM 1985 (RM)	KADAR BAHARU DIKUATKUASAKAN 1 JANUARI 2009 (RM)
Penerima Utama	Normal	130	150
	OKU	(Maksimum RM150)	165
Tanggungan	Normal	10	30
	OKU	15	40

Sumber: JPKAS

- c. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 1,004 penerima bantuan mengikut kriteria bantuan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.6
SAMPEL AUDIT MENGIKUT KRITERIA PENERIMA BANTUAN**

DAERAH	OKU	SAKIT	JANDA/BALU	BAGI PIHAK ANAK SAKIT DAN OKU	ORANG TUA	JUMLAH KESELURUHAN
Kota Kinabalu	85	163	95	2	75	420
Beaufort	50	120	22	5	3	200
Kota Marudu	86	107	169	13	9	384
JUMLAH	221	390	286	20	87	1,004

Sumber: JPKAS

- d. Semakan Audit terhadap 1,004 penerima bantuan mendapati dua penerima (0.2%) tidak layak mendapat bantuan dan 15 penerima (1.5%) tidak mendapat bantuan pada kadar yang sepatutnya seperti berikut:

- i. Dua penerima yang tidak layak menerima bantuan adalah seperti berikut:

- Mengikut borang permohonan, Pegawai Penyiasat berpendapat pemohon (Pn. Ng Khyun Chin) tidak memerlukan bantuan (Bahagian 23) dan PPB/PKD pula tidak menyokong permohonan tersebut (Bahagian 24). Namun begitu, permohonan beliau diluluskan dan dibayar pada bulan April 2014 dengan kadar RM150 sebulan dan hanya diberhentikan pada bulan Jun 2017 apabila dibangkitkan oleh pihak Audit. Dengan itu, Kerajaan telah membayar sejumlah RM6,000 (RM150 X 40 bulan) kepada seorang penerima yang tidak layak.
- En. Md. Nurshahzarul Bin Rusman diluluskan bantuan berjumlah RM150 sebulan atas sebab patah kedua-dua belah kaki akibat kemalangan pada 21 Mac 2013. Bantuan dibayar sejak bulan Jun 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit ke rumah penerima pada

11 Julai 2017 mendapati beliau telah sembuh daripada kecederaan dan telah bekerja sejak setahun yang lalu (mulai bulan Julai 2016). Selepas teguran Audit, bantuan diberhentikan pada bulan September 2017 dan ini bermakna Kerajaan telah membayar sejumlah RM1,950 (RM150 X 13 bulan) kepada seorang penerima yang tidak layak.

- ii. Seramai sepuluh daripada 221 penerima bantuan mengikut kriteria OKU tidak menerima bantuan pada kadar sepatutnya di mana tujuh penerima terkurang dibayar dan tiga terlebih dibayar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.7
KADAR BAYARAN BANTUAN TIDAK TEPAT**

DAERAH	BIL.	NAMA PENERIMA BANTUAN	KRITERIA PENERIMA / TANGGUNGAN	BANTUAN DITERIMA (RM)	KADAR BANTUAN SEPATUTNYA (RM)	CATATAN
Kota Kinabalu	1.	Jikron bin Mahmud	Sakit Mental / Dua Anak	210	225	Terkurang bayar
	2.	Jondowao @ Jondow	Sakit Mental	150	165	Terkurang bayar
	3.	Satin Maun	OKU / Dua Anak	210	225	Terkurang bayar
	4.	Mat Lajim Keri	OKU / Tiga Anak	240	255	Terkurang bayar
Beaufort	5.	Talip bin Rahim	OKU (Bujang)	180	165	Terlebih bayar
Kota Marudu	6.	Edwin bin Sidop	OKU	150	165	Terkurang bayar
	7.	Jamlan bin Jamuan	OKU / Empat Anak	270	295	Terkurang bayar
	8.	Oton bin Landai	Tua, OKU	150	165	Terkurang bayar
	9.	Asing binti Tuging	Balu Tanggung Seorang Anak OKU	195	190	Terlebih bayar
	10.	Emah binti Sunsoh	Janda Tanggung Seorang Anak OKU	195	190	Terlebih bayar

Sumber: JPKAS

- iii. Seramai lima penerima bantuan elaun tanggungan bagi anak yang berumur lebih daripada 21 tahun seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8
ELAUN TANGGUNGAN UNTUK ANAK TIDAK TEPAT**

DAERAH	NAMA PENERIMA BANTUAN	RINGKASAN KES	BANTUAN DITERIMA (RM)	BAYARAN SEPATUTNYA (RM)	CATATAN
ELAUN TANGGUNGAN DIBERIKAN KEPADA ANAK BERUMUR 21 TAHUN KEATAS / BERUMUR 21 TAHUN KE BAWAH TETAPI TIDAK BERSEKOLAH.					
Kota Kinabalu	Inonteya binti Umbohoh	Balu menanggung tiga orang anak yang berumur 23 tahun (tidak bersekolah), 19 tahun (tidak bersekolah) dan 16 tahun (sekolah).	240	180	Terlebih bayar
Beaufort	Musli bin Udin	Menerima elaun tanggungan untuk anak berumur 20 tahun yang telah bekerja.	210	150	Terlebih bayar
	Azizah Bujing	Seorang balu menanggung anak angkat (tiada dokumen sah bagi anak angkat).	180	150	Terlebih bayar

DAERAH	NAMA PENERIMA BANTUAN	RINGKASAN KES	BANTUAN DITERIMA (RM)	BAYARAN SEPATUTNYA (RM)	CATATAN
	Abdul Ghani Mualap	Menerima elaun untuk dua orang anak berumur 21 tahun (bekerja) dan 18 tahun (matrikulasi).	210	180	Terlebih bayar
	Masri Sudin	Penerima mempunyai lima orang anak tetapi hanya tiga orang yang bersekolah.	300	210	Terlebih bayar

Sumber: JPKAS

- e. Perkara ini berlaku disebabkan antaranya setiap Pejabat Kebajikan Bahagian mempunyai pendapat yang berbeza bagi menentukan elaun tanggungan yang sepatutnya diberikan kepada penerima bantuan dan tiada garis panduan khusus dan jelas yang boleh dirujuk bagi menentukan kadar bantuan.
- f. Kesannya, terdapat bayaran bantuan berjumlah RM7,950 kepada dua penerima yang tidak layak, seramai sepuluh penerima bantuan mengikut kriteria OKU tidak menerima bantuan pada kadar sepatutnya dan lima penerima bantuan elaun tanggungan bagi anak yang berumur lebih daripada 21 tahun. Sehubungan itu, bayaran bantuan kepada penerima yang tidak layak menafikan hak kepada pemohon yang layak kerana kelulusan permohonan bantuan adalah berdasarkan kepada kuota yang terhad.

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

Pegawai Kebajikan Daerah akan mengambil tindakan pembedahan terhadap kadar bayaran SBAM selepas mengemukakan maklumat tersebut kepada Ibu Pejabat JPKAS. Namun begitu, bayaran tunggakan disebabkan kadar bayaran yang terkurang tidak akan dibayar. Selain itu, pegawai di setiap daerah diarahkan untuk menyemak semula kadar bayaran bantuan bagi semua penerima dan memastikan pembayaran dibuat mengikut kadar yang ditetapkan. Selain itu, Jabatan memaklumkan dasar sedia ada akan diteliti semula. Jabatan juga memaklumkan bahawa bayaran kepada penerima yang tidak layak telah diberhentikan selepas teguran Audit dan akan memastikan perkara ini tidak akan berulang.

Pada pendapat Audit, penentuan kadar bantuan telah dilaksanakan dengan memuaskan kerana daripada 1,004 sampel yang disemak hanya dua kes bantuan dibayar kepada penerima yang tidak layak, sepuluh penerima bantuan mengikut kriteria OKU tidak dibayar pada kadar sepatutnya dan lima penerima menerima elaun tanggungan bagi anak yang berumur lebih 21 tahun.

2.5.2.3. Ke kerap an Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sebulan sekali di enam Bahagian iaitu Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Tawau, Beaufort dan Keningau. Mesyuarat akan dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Bahagian, Gred S41 dan dianggotai oleh Pegawai Kebajikan Daerah/Daerah Kecil bahagian masing-masing bagi membincangkan kadar bantuan dan meluluskan tempoh bantuan penerima yang layak. Mesyuarat bulanan hendaklah diadakan untuk mempertimbangkan kadar bantuan supaya pemohon yang layak dapat diluluskan dan dibayar tanpa kelewatan.
- b. Semakan Audit di tiga Pejabat Bahagian Kebajikan mendapati Jawatankuasa Penimbang telah bermesyuarat antara empat hingga 12 kali setahun seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9
MESYUARAT JAWATANKUASA PENIMBANG
DI TIGA BAHAGIAN SEPANJANG TAHUN 2015 HINGGA MAC 2017

TAHUN	KOTA KINABALU (Bahagian Kota Kinabalu) (Bil. Mesyuarat)	BEAUFORT (Bahagian (Beaufort)) (Bil. Mesyuarat)	KOTA MARUDU (Bahagian Kudat) (Bil. Mesyuarat)
2015	10	4	12
2016	10	5	12
2017*	3	3	3

Sumber: JPKAS

Nota: (*) – Setakat Bulan Mac 2017

- c. Analisis terhadap **Jadual 2.9** menunjukkan Jawatankuasa Penimbang Bahagian Kota Kinabalu bermesyuarat sebanyak sepuluh kali pada tahun 2015 dan 2016. Bagi Bahagian Beaufort, Jawatankuasa Penimbang hanya bermesyuarat empat kali pada tahun 2015 dan lima kali pada tahun 2016. Manakala Jawatankuasa Penimbang Bahagian Kudat bermesyuarat sebanyak 12 kali setahun pada tahun 2015 dan 2016 seperti yang telah ditetapkan. Setakat bulan Mac 2017, ketiga-tiga daerah telah bermesyuarat sebanyak tiga kali.
- d. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak JPKAS bahawa kegagalan Jawatankuasa Penimbang mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi Bahagian Kota Kinabalu dan Beaufort disebabkan oleh berlaku pertukaran pegawai dan juga kurang penekanan terhadap pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Penimbang.
- e. Kegagalan mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan boleh mengakibatkan pemohon yang layak lewat menerima bantuan. Selain daripada itu, tempoh masa yang diambil oleh Pegawai Penyiasat untuk memperakukan borang permohonan juga mengakibatkan kelewatan dalam

meluluskan permohonan bantuan iaitu melebihi 30 hari seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan Bahagian Bantuan Kebajikan dan Produktif *Welfare*. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 242 kelulusan dibuat lebih daripada 30 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
KEPUTUSAN PERMOHONAN MELEBIHI 30 HARI

DAERAH	MAKLUMAT DARIPADA SISTEM eSBK (Bil.)	KEPUTUSAN DALAM TEMPOH 30 HARI	TEMPOH KEPUTUSAN MELEBIHI 30 HARI			
			SATU HINGGA ENAM BULAN	ENAM HINGGA 12 BULAN	MELEBIHI 12 BULAN	JUMLAH
Kota Kinabalu	451	328	117	4	2	123
Beaufort	282	231	47	4	-	51
Kota Marudu	361	293	54	8	6	68
JUMLAH	1,094	852	218	16	8	242

Sumber: JPKAS

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

JPKAS telah menyediakan jadual mesyuarat Jawatankuasa Penimbang dan akan memastikan mesyuarat Jawatankuasa Penimbang diadakan setiap bulan. Jabatan akan memastikan kes kelewatan keputusan ataupun proses kelulusan melebihi 30 hari tidak akan berulang.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan permohonan adalah memuaskan kerana Jawatankuasa Penimbang telah meluluskan sebanyak 843 (84%) permohonan yang lengkap/diperakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, JPKAS Bahagian Kota Kinabalu dan Beaufort telah bermesyuarat kurang daripada 12 kali setahun.

2.5.3. Proses Bayaran

2.5.3.1. Arahan JPKAS yang dikeluarkan pada bulan Julai 2010 menghendaki pembayaran bantuan am dibuat melalui bank sepenuhnya berkuat kuasa bulan September 2010. Baucar bayaran akan disediakan oleh Unit Kewangan Ibu Pejabat JPKAS berdasarkan Daftar Senarai Penerima (DSP) yang dicetak melalui sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan *Online* (eSBK). Proses pembayaran tamat selepas baucar bayaran dikemukakan ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) untuk urusan pembayaran secara *e-Banking*.

2.5.3.2. Semakan Audit terhadap 1,004 penerima bantuan mendapati pembayaran telah dilaksanakan dengan teratur di mana setiap penerima telah dibayar melalui akaun bank setiap bulan tanpa kelewatan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran adalah baik kerana telah dilaksanakan dengan teratur dan tanpa kelewatan.

2.5.4. Pemantauan

2.5.4.1. Laporan Diri dan Ulang Kaji Penerima Bantuan SBAM

a. Laporan Diri

- i. Pengenalan kaedah kad temu janji merupakan satu inovasi yang berkait rapat dengan kaedah bayaran bantuan secara terus ke akaun bank. Kaedah ini merupakan salah satu mekanisme untuk memantau sama ada penerima masih hidup ataupun telah meninggal dunia dengan meminta penerima ataupun wakil penerima untuk datang ke Pejabat Kebajikan Daerah bagi tujuan lapor diri setiap tiga bulan sekali. Selain itu, maklumat berkaitan penerima juga dapat dikemas kini dan akan memudahkan proses ulang kaji (setahun sekali) yang akan datang. Namun begitu, tiada garis panduan disediakan bagi kaedah pelaksanaan lapor diri.
- ii. Sehubungan itu, sekiranya penerima bantuan meninggal dunia, waris perlu mengemukakan sijil kematian ke Jabatan Kebajikan Daerah untuk proses penamatan bayaran bantuan.
- iii. Semakan Audit mendapati kad lapor diri telah diberikan kepada setiap penerima. Di dalam kad tersebut telah dicatatkan bulan di mana penerima perlu datang lapor diri. Namun begitu, kad lapor diri hanya ada pada penerima sahaja dan JPKAS tidak menyimpan salinan kad tersebut kerana salinan rekod kehadiran ada dalam sistem eSBK. Bagaimanapun, didapati sistem eSBK tidak mempunyai modul yang boleh menjana laporan berkaitan jadual dan nama penerima bantuan yang perlu melapor diri pada bila-bila masa. Pegawai Kebajikan Daerah hanya akan mengetahui kelewatan lapor diri semasa penerima datang membawa kad lapor diri ataupun semasa ulang kaji dijalankan.
- iv. Bagi menentukan sama ada penerima masih hidup ataupun telah meninggal dunia, pihak Audit telah mendapat maklumat kesemua 1,004 penerima bantuan (sampel Audit) daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Cawangan Negeri Sabah. Hasil semakan selanjutnya mendapati seramai lapan penerima bantuan telah meninggal dunia dan masih dibayar bantuan berjumlah RM4,710 selepas tarikh kematian. **Bagaimanapun, didapati bayaran bantuan kepada kesemua lapan kes tersebut tidak melebihi tempoh satu tahun selepas tarikh kematian kerana kawalan dalaman yang diwujudkan (proses ulang kaji yang dijalankan**

setahun sekali) adalah efektif untuk memastikan bayaran bantuan diberhentikan dengan sewajarnya. Butiran lanjut mengenai bayaran bantuan kepada penerima yang meninggal dunia adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.11
BANTUAN DIBAYAR KEPADA PENERIMA
YANG MENINGGAL DUNIA SEHINGGA BULAN JUN 2017**

DAERAH	NAMA PENERIMA BANTUAN	TARIKH MENINGGAL DUNIA	KADAR BANTUAN SEBULAN (RM)	BANTUAN DIBAYAR SELEPAS PENERIMA MENINGGAL DUNIA		
				TEMPOH	BIL. BULAN	JUMLAH (RM)
Kota Kinabalu	1. Chong Choi Mee	31.12.2016	165	Jan – Jun 2017	6	990
	2. Mandiatin b. Satin	28.02.2017	150	Mac – April 2017	2	300
Beaufort	3. Ayang Kina	15.05.2017	150	Jun 2017	1	150
	4. Sakinah @ Rosy binti Kidong	14.04.2017	150	Mei 2017	1	150
Kota Marudu	5. Jamal bin Nakni	26.12.2016	180	Jan - Mei 2017	5	900
	6. Jabin bin Asing	06.12.2016	180	Jan – Jun 2017	6	1,080
	7. Janang bin Masigi	11.05.2017	240	Jun 2017	1	240
	8. Ainie binti Majuna	26.12.2016	150	Jan – Jun 2017	6	900
JUMLAH						4,710

Sumber: JPKAS

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

Hasrat JPKAS untuk memperkasa mekanisme lapor diri melalui aplikasi fingerprint scanner ke dalam Sistem eSBK tidak dapat dilakukan kerana kekangan peruntukan.

b. Ulang Kaji

- i. Dasar Skim Bantuan Am 1985 menyatakan kelayakan penerima bantuan hendaklah dikaji semula oleh Pegawai Kebajikan Daerah tiga bulan sebelum tamat tempoh bantuan. Ini adalah untuk menentukan sama ada bantuan dilanjutkan untuk tempoh enam bulan atau 12 bulan berikutnya.
- ii. Penguatkuasaan Kaedah Ulang Kaji Anjal (KUA) telah dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2008. Kad ulang kaji KUA merupakan format kad yang akan digunakan semasa proses ulang kaji. KUA mengandungi pengakuan penerima bantuan bahawa beliau masih memerlukan bantuan, pengesahan Pegawai Penyiasat dan ulasan Pegawai Kebajikan Daerah / Penolong Pengarah Bahagian (PPB).

- iii. Semakan Audit mendapati, hanya Kota Marudu mewujudkan pusat ulang kaji di kampung-kampung dengan kerjasama Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk memudahkan penerima bantuan datang membuat ulang kaji. Pusat ini dapat mengurangkan penerima yang tidak datang untuk ulang kaji.
- iv. Berdasarkan Maklumat Ulang Kaji daripada eSBK, seramai 878 penerima lewat datang untuk dibuat ulang kaji seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.12
PENERIMA BANTUAN LEWAT DATANG UNTUK ULANG KAJI

DAERAH	PENERIMA BANTUAN LEWAT ULANG KAJI (Bil.)
Kota Kinabalu	251
Beaufort	419
Kota Marudu	208
JUMLAH	878

Sumber: JPKAS

- v. Semakan Audit selanjutnya terhadap 1,004 penerima bantuan (sampel Audit) mendapati kesemua bayaran bantuan telah diberhentikan selepas tempoh 12 bulan dan disambung semula setelah diulang kaji. Ini bermakna Kaedah Ulang Kaji Anjal adalah berkesan untuk mengawal pembayaran bantuan am kerana kesemua penerima yang lewat datang membuat ulang kaji telah diberhentikan bayaran bantuan dan bayaran seterusnya hanya akan dilakukan selepas proses ulang kaji.

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

Jabatan memaklumkan akan memberikan penerangan kepada penerima untuk datang ulang kaji tepat pada masanya, membuka kaunter di kampung-kampung bagi mengurangkan kes lambat ulang kaji dan membentuk group whatsapp dengan JKKK dan Ketua Kampung untuk proses penyampaian maklumat dengan segera. Jabatan mengambil tindakan tegas terhadap perkara bagi memastikan perkara ini tidak berulang pada masa akan datang.

2.5.4.2. Pemantauan Pejabat Kebajikan Daerah oleh Ibu Pejabat

- a. Garis Panduan Sistem Pemantauan Bantuan Kebajikan Negeri Sabah menggariskan sistem pemantauan yang sistematik, menjelaskan fungsi, peranan dan bidang kuasa Pasukan Pemantau serta mewujudkan proses pemantauan yang telus dan bersifat pembimbing di lapangan. Mengikut garis panduan ini, spesifikasi tugas Pasukan Pemantau Sistem Pengurusan

Bantuan adalah menyemak buku daftar permohonan, menyemak fail mesyuarat bantuan dan menyemak lima fail-fail peribadi yang dipilih secara rawak. Antara kriteria yang disemak adalah kewujudan rekod dan sama ada rekod dikemas kini sepenuhnya secara berkala ataupun secara berterusan. Skor markah akan diberikan bagi setiap daerah yang dipantau dan skor markah akan memberikan tafsiran seperti jadual berikut:

JADUAL 2.13
SKOR MARKAH PEMANTAUAN OLEH PASUKAN PEMANTAU DI DAERAH

SKOR MARKAH	TAFSIRAN
Kurang dari 50%	Lemah dan perlu pemerhatian khas dan bimbingan berterusan
Markah antara 50 – 70%	Sederhana dan perlu pemerhatian berkala
Markah antara 70 – 85%	Cemerlang
Markah melebihi 85%	Cemerlang dan boleh dijadikan contoh

Sumber: JPKAS

- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2015, Pasukan Pemantau telah melaksanakan pemantauan di tiga Pejabat Kebajikan Daerah iaitu di Tambunan, Tawau dan Semporna. Pada tahun 2016, lawatan oleh Pasukan Pemantau telah dibuat ke 12 Pejabat Kebajikan Daerah melibatkan Kota Kinabalu, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Matunggong, Kudat, Pitas, Kota Marudu, Keningau, Nabawan, Tenom dan Sook. Manakala setakat bulan Mei 2017, sebanyak sepuluh Pejabat Kebajikan Daerah telah dilawati iaitu Telupid, Sandakan, Kinabatangan, Tongod, Beluran, Beaufort, Kemabong, Tawau, Kota Belud dan Ranau. Berdasarkan laporan Pasukan Pemantau, prestasi Pejabat Kebajikan Daerah yang dilawat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.14
PELAKSANAAN PEMANTAUAN PASUKAN PEMANTAU DI DAERAH

TARIKH PEMANTAUAN	DAERAH	SKOR MARKAH (%)
07 - 10 September 2015	Tawau -1	76.2
	Semporna – 1	51.7
02 - 03 November 2015	Tambunan	72.5
13 - 15 Januari 2016	Kota Kinabalu	47.3
05 – 07 April 2016	Semporna – 2	58.2
	Kunak	69.1
	Lahad Datu	70.0
09 – 13 Mei 2016	Matunggong	76.9
	Kudat	65.3
	Pitas	80.0
	Kota Marudu	73.1
22 – 25 Ogos 2016	Keningau	60.0
	Nabawan	50.0
	Tenom	58.4

TARIKH PEMANTAUAN	DAERAH	SKOR MARKAH (%)
	Sook	50.0
23 – 27 Jan 2017 dan 9 Feb 2017	Telupid	61.4
	Sandakan	56.1
	Kinabatangan	55.6
	Tongod	60.6
	Beluran	45.0
	16 – 17 Mac 2017	Beaufort
28 Mac 2017	Tawau – 2	83.3
18 April 2017	Kemabong	50.0
03 & 05 Mei 2017	Kota Belud	70.0
	Ranau	61.9

Sumber: JPKA

- c. Analisis terhadap **Jadual 2.14** menunjukkan Pejabat Kebajikan Daerah Beluran mendapat skor markah yang terendah iaitu sebanyak 45%, diikuti dengan Pejabat Kebajikan Daerah Beaufort mendapat skor 45.45% dan Pejabat Kebajikan Daerah Kota Kinabalu dengan skor markah 47.33%. Berdasarkan tafsiran skor markah yang diberikan, ketiga-tiga daerah ini adalah lemah dan perlu pemerhatian khas serta bimbingan berterusan. Bagi maksud penambahbaikan, Pasukan Pemantau telah merancang untuk melawati ketiga-tiga Pejabat Kebajikan Daerah berkenaan sebelum akhir tahun 2017.
- d. Selain itu, didapati tiada Pejabat Kebajikan Daerah yang mendapat skor markah melebihi 85% yang cemerlang dan boleh dijadikan contoh.
- e. Analisis selanjutnya mendapati skor markah dua buah daerah yang telah dilawat sebanyak dua kali iaitu Tawau dan Semporna menunjukkan peningkatan. Tawau mencatatkan peningkatan skor markah pada lawatan kedua sebanyak 7.1% markah iaitu 83.3% berbanding lawatan pertama iaitu 76.2% markah dan Semporna mencatatkan peningkatan 6.5% markah iaitu 58.2% pada lawatan kedua berbanding 51.7% markah pada lawatan pertama. Peningkatan ini adalah dari aspek kemas kini rekod secara berterusan dari semasa ke semasa.

Maklum Balas JPKAS yang Diterima pada 11 September 2017

Pemantauan akan dibuat ke Pejabat Kebajikan Daerah yang mendapat markah skor rendah untuk memastikan penambahbaikan dibuat.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Kaedah Ulang Kaji Anjal adalah berkesan untuk mengawal bayaran bantuan kerana kesemua penerima yang lewat datang untuk membuat ulang kaji telah diberhentikan bayaran bantuan. Selain itu, kaedah pemantauan oleh Ibu Pejabat dengan menubuhkan Pasukan Pemantau adalah baik di mana pejabat yang dilawati pada kali kedua menunjukkan peningkatan dari segi pengemaskinian rekod.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan SBAM dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS);

2.6.1. mengkaji semula kuota yang ditetapkan agar selaras dengan permohonan dan mempertimbangkan kadar bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh lebih ramai penerima yang layak;

2.6.2. menyediakan garis panduan dan peraturan yang jelas dan komprehensif agar kadar yang diluluskan/dibayar adalah teratur dan seragam; dan

2.6.3. mengkaji semula kaedah lapor diri seperti menggunakan aplikasi *fingerprint scanner* dalam sistem eSBK bagi memastikan mekanisme lapor diri lebih berkesan.

JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH

3. PENGURUSAN HASIL DARIPADA AKTIVITI PENUAIAN SARANG BURUNG LAYANG-LAYANG

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Burung layang-layang merupakan haiwan yang dilindungi di bawah subseksyen 25(2) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Terdapat empat spesies burung layang-layang yang mendiami gua batu kapur iaitu Bersarang Putih (*Aerodramus Fuciphagus*), Bersarang Hitam (*Aerodramus Maximus*), Bersarang Lumut (*Collocalia Vanikorensis*) dan Layang-layang Perut Putih (*Collocalia Esulenta*). Bagaimanapun, hanya sarang spesies burung Bersarang Putih (sarang burung putih) dan Bersarang Hitam (sarang burung hitam) sahaja yang boleh dimakan untuk kesihatan selepas diproses. Dengan harga antara RM800 hingga RM1,200 sekilo untuk sarang burung hitam dan boleh mencecah RM3,000 sekilo untuk sarang burung putih, sarang burung merupakan antara makanan eksotik termahal di dunia.

3.1.2. Burung layang-layang Bersarang Putih dan Bersarang Hitam membentuk sarang dalam tempoh lebih kurang satu bulan dan mengeluarkan sebiji atau dua telur. Telur itu dijangka menetas selepas 28 dan 27 hari bagi setiap pembiakan. Anak burung ini akan menjadi matang dalam tempoh enam dan lapan minggu. Kitaran hidup burung layang-layang Bersarang Putih dan Bersarang Hitam adalah seperti gambar rajah berikut:


GAMBAR RAJAH 3.1
KITARAN HIDUP BURUNG LAYANG-LAYANG
BERSARANG PUTIH DAN BERSARANG HITAM



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

3.1.3. Di negeri Sabah, sebanyak 23 gua batu kapur yang menjadi tempat tinggal burung layang-layang telah diwartakan dalam Jadual 4 seksyen 85, Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 di mana 12 daripadanya adalah gua milik Kerajaan Negeri manakala 11 gua lagi adalah milik warisan. Taburan lokasi gua-gua batu kapur tersebut adalah seperti peta berikut:

**PETA 3.1
TABURAN GUA SARANG BURUNG DI SABAH**



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
■ Gua Milik Kerajaan Negeri
● Gua Milik Warisan

3.1.4. Bagaimanapun, hanya dua gua batu kapur sahaja didiami spesies burung Bersarang Putih dan Bersarang Hitam yang masih produktif dalam menghasilkan sarang burung seperti berikut:

3.1.4.1. **Gua Gomantong** ialah satu singkapan batu kapur yang membentuk bukit batu kapur yang terbesar di daerah Kinabatangan dan berada dalam Hutan Simpan Gomantong. Di dalam bukit batu kapur ini terdapat sekurang-kurangnya 19 buah gua kecil yang sejak berkurun lamanya telah menghasilkan sarang burung layang-layang dan merupakan pengeluar hasil sarang burung utama di negeri Sabah. Bagi memudahkan pemantauan kerja memajak dan mengutip sarang burung, 19 gua kecil tersebut telah dibahagikan kepada tujuh lot (Lot 1 – Lot 7) dan sebuah gua kecil (Gua Babpa Buli) digunakan sebagai gua penyelidikan untuk konservasi burung layang-layang. Selaras dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, hasil daripada aktiviti memajak dan mengutip sarang burung daripada Gua Gomantong merupakan hasil Kerajaan Negeri.

3.1.4.2. **Gua Madai** pula ialah gua warisan yang terletak di daerah Kunak dan berada dalam Hutan Simpan Madai-Baturong. Sebagai gua warisan, Gua Madai

dikendalikan dan diurus oleh individu pewaris kaum Idahan dan hak milik tersebut termaktub dalam Ordinan Sarang Burung 1914 yang melindungi hak tuntutan secara tradisi kaum Idahan. Gua Madai mempunyai sebanyak 112 lubang gua dan masih produktif dalam menghasilkan sarang burung hitam. Selaras dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, Kerajaan Negeri akan mengenakan royalti sebanyak 10% atas hasil penuaian oleh pewaris pada setiap masa penuaian.

3.1.5. Pengurusan gua sarang burung layang-layang di negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) sepertimana termaktub dalam seksyen 85 dan 86 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Antara tanggungjawab JHLS adalah menyelidik, melindungi dan memelihara burung layang-layang serta mengurus dan mengutip hasil daripada aktiviti penuaian sarang burung layang-layang.

3.1.6. Setakat ini, JHLS hanya mengurus dan memberi tumpuan serta mengutip hasil sarang burung dari Gua Gomantong dan Gua Madai sahaja. Kebanyakan sarang burung dari negeri Sabah diproses di negeri Sarawak sebelum dieksport ke luar negara terutamanya negara China. Bagi tempoh 2013 hingga bulan Mei 2017, hasil berjumlah RM38.13 juta telah dikutip oleh Kerajaan Negeri daripada aktiviti memajak dan mengutip sarang burung di Gua Gomantong serta royalti hasil penuaian dan jualan sarang burung di Gua Madai. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
HASIL DARIPADA AKTIVITI PENUAIAN SARANG BURUNG
LAYANG-LAYANG BAGI TEMPOH 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

BUTIRAN HASIL	TAHUN					JUMLAH (RM Juta)
	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	
GUA GOMANTONG						
Tender - Bayaran Memajak dan Mengutip Sarang Burung	0.32	2.14	6.58	15.84	9.20	34.08
Lantikan Sementara	TB	TB	TB	TB	3.15	3.15
Lantikan Terus – Gua Babpa Buli	0.04	0.04	0.04	0.04	*TB	0.16
GUA MADAI						
Bayaran Royalti 10% Hasil Penuaian dan Jualan Sarang Burung	0.25	0.10	0.13	0.16	0.10	0.74
JUMLAH	0.61	2.28	6.75	16.04	12.45	38.13

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota:- TB – Tidak Berkenaan

* Tempoh Kontrak 22.02.2017 - 22.02.2018

3.1.7. Pada tahun 2011, pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap Pengurusan Gua Sarang Burung Layang-layang dan hasil kajian telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (Aktiviti Jabatan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah) tahun 2011. Antara perkara yang dibangkitkan ialah kaedah dan peraturan penuaian tidak dipatuhi serta pengurusan

pemberian tender tidak mematuhi peraturan kewangan. Pihak Audit telah mengesyorkan JHLS mengambil tindakan seperti berikut:

- i. memastikan notis penuaian sarang burung dikeluarkan dalam tempoh yang sesuai dengan kitaran hidup burung walit agar populasi burung walit tidak terjejas. Selain itu, JHLS hendaklah mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak dan memantau kerja yang dilaksanakan; dan
- ii. memastikan kontraktor yang dilantik semula telah menjelaskan tunggakan, mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan tunggakan hasil dan menyediakan dokumen kontrak pelantikan agar kepentingan Kerajaan Negeri terpelihara.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan hasil daripada aktiviti penuaian sarang burung layang-layang telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan enakmen dan peraturan yang ditetapkan bagi meningkatkan hasil negeri Sabah.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi lima bidang utama (*key areas*) iaitu prestasi penuaian sarang burung dan kutipan hasil; pelantikan kontraktor; pentadbiran kontrak; bayaran oleh kontraktor; serta pemantauan dan kawalan aktiviti penuaian sarang burung. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Hidupan Liar Kota Kinabalu, Pejabat Hidupan Liar Gomantong, Pejabat Hidupan Liar Lahad Datu dan Kementerian Kewangan Sabah. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2013 hingga Mei 2017.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap prestasi kutipan hasil daripada aktiviti penuaian sarang burung layang-layang. Lawatan fizikal Audit ke Gua Gomantong (termasuk Gua Babpa Buli) dan Gua Madai turut dijalankan. Selain itu, temu bual dengan pegawai JHLS/Kementerian Kewangan Sabah, pewaris, kontraktor dan pekerja yang terlibat juga diadakan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2017 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan hasil daripada aktiviti penuaian sarang burung layang-

layang adalah tidak memuaskan dari aspek empat bidang utama yang diaudit, iaitu prestasi penuaian sarang burung dan kutipan hasil, pentadbiran kontrak, bayaran oleh kontraktor dan pemantauan/kawalan aktiviti penuaian sarang burung. Antara kelemahan yang didapati adalah seperti:

- i. tunggakan hasil berjumlah RM28.17 juta sejak tahun 2000 sehingga bulan Mei 2017 melibatkan 12 kontraktor;
- ii. lantikan terus/semntara bagi kontrak memajak dan mengutip sarang burung di Gua Gomantong dan Gua Babpa Buli adalah tidak memuaskan dan lantikan terus/semntara adalah bertentangan dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997;
- iii. pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan. Kontrak lantikan terus (Gua Madai) tidak ditandatangani;
- iv. prestasi bayaran oleh kontraktor juga tidak memuaskan. Satu daripada dua kontraktor masih belum menjelaskan tunggakan berjumlah RM0.38 juta bagi kontrak tahun 2012 hingga 2015 di Gua Madai; dan
- v. ketiadaan Manual Prosedur Kerja yang jelas menetapkan norma masa dan tindakan yang sepatutnya diambil.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JHLS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 24 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Penuaian Sarang Burung dan Kutipan Hasil

3.5.1.1. Prestasi Penuaian Sarang Burung

- a. Penuaian sarang putih dan hitam di Gua Gomantong dilakukan dua kali dalam setahun iaitu pada bulan Februari hingga April (Musim Penuaian Pertama) dan Ogos hingga September (Musim Penuaian Kedua). Manakala penuaian sarang burung di Gua Madai oleh pewaris dilakukan tiga kali dalam setahun. Hanya sarang hitam yang terdapat di Gua Madai dan penuaian sarang dilakukan pada bulan April (Musim Penuaian Pertama), Ogos (Musim Penuaian Kedua) dan Disember (Musim Penuaian Ketiga).
- b. Semakan Audit terhadap prestasi penuaian sarang burung oleh kontraktor yang dilantik mendapati perkara berikut:
 - i. Musim penuaian yang telah ditetapkan oleh JHLS di Gua Gomantong dan Gua Madai telah dipatuhi oleh pihak kontraktor dan pewaris di dalam melaksanakan aktiviti penuaian sarang burung.

- ii. Prestasi penuaian sarang putih dan sarang hitam bagi tempoh 2013 hingga bulan Mei 2017 (Musim Penuaian Pertama Tahun 2017) di Gua Gomantong (termasuk Gua Babpa Buli) dan Gua Madai adalah sebanyak 61,033 kg seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

**JADUAL 3.2
PRESTASI PENUAIAN SARANG BURUNG PUTIH DAN SARANG
BURUNG HITAM DI NEGERI SABAH BAGI TEMPOH 2013 HINGGA BULAN MEI 2017**

TAHUN	SARANG BURUNG PUTIH			SARANG BURUNG HITAM			
	LOT 1 – LOT 7 (Kg)	GUA BABPA BULI (Kg)	JUMLAH (Kg)	LOT 1 – LOT 7 (Kg)	GUA BABPA BULI (Kg)	GUA MADAI (Kg)	JUMLAH (Kg)
2013	872.55	184.00	1,056.55	6,276.70	153.30	6,000.60	12,430.60
2014	3,241.20	161.47	3,402.67	9,030.30	150.60	5,286.70	14,467.60
2015	3,632.10	164.20	3,796.30	8,938.20	119.50	5,963.05	15,020.75
2016	3,852.00	147.40	3,999.40	8,992.30	115.30	5,469.50	14,577.10
2017 (*)	2,690.50	99.50	2,790.00	4,155.30	70.00	312.05	4,537.35
JUMLAH	14,288.35	756.57	15,044.92	37,392.80	608.70	23,031.90	61,033.40

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota: (*) - Sehingga Bulan Mei 2017

Lot 1 - Lot 7 di Gua Gomantong

- iii. Analisis Audit terhadap data dalam **Jadual 3.2** mendapati, penuaian sarang burung putih meningkat dari 1,056.55 kg pada tahun 2013 kepada 3,999.40 kg pada tahun 2016. Manakala jumlah berat kutipan sarang burung hitam meningkat dari 12,430.60 kg pada tahun 2013 kepada 14,577.10 kg pada tahun 2016.

Maklum Balas JHLS yang Diterima pada 25 September 2017

JHLS telah mengemukakan maklumat berkaitan berat kutipan sarang burung hitam Musim Penuaian Pertama di Gua Madai bagi tahun 2017.

Pada pendapat Audit, peningkatan kuantiti sarang burung yang dikutip setiap tahun menunjukkan trend yang positif dari aspek perlindungan dan pemeliharaan burung layang-layang.

3.5.1.2. Prestasi Kutipan Hasil

- a. Selaras dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, semua hasil yang diperolehi daripada penuaian sarang burung di gua milik kerajaan adalah menjadi hasil kerajaan sepenuhnya manakala penuaian sarang burung di gua warisan pula dikenakan bayaran royalti 10% daripada jumlah berat (kg) yang dikutip. JHLS akan melantik kontraktor untuk mengurus royalti tersebut bagi pihak Kerajaan Negeri setiap kali musim penuaian. Bagi

tujuan kutipan hasil, kontrak untuk kerja-kerja penuaian sarang burung akan dimeterai dan kontraktor yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk membayar nilai kontrak kepada JHLS mengikut syarat kontrak.

- b. Semakan Audit terhadap prestasi kutipan hasil daripada kontrak penuaian sarang burung adalah seperti perkara berikut:
- i. Nilai kontrak penuaian sarang burung bagi tempoh Musim Penuaian Kedua Tahun 2013 hingga bulan Mei 2017 (Musim Penuaian Pertama Tahun 2017) di Gua Gomantong adalah berjumlah RM43.24 juta dan di Gua Madai adalah berjumlah RM1.31 juta.
 - ii. Berdasarkan resit bayaran, kutipan hasil bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM35.20 juta (81.4% daripada nilai kontrak) untuk penuaian sarang burung di Gua Gomantong dan RM0.74 juta (57.8% daripada nilai kontrak) untuk penuaian sarang burung di Gua Madai. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
PRESTASI KUTIPAN HASIL DARI TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

GUA	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KUTIPAN HASIL	
		(RM Juta)	(%)
GUA GOMANTONG			
Tender - Bayaran Memajak dan Mengutip Sarang Burung	43.04	34.08	79.2
Lantikan Sementara*	TB	0.96	TB
Lantikan Terus – Gua Babpa Buli	0.20	0.16	0.8
JUMLAH	43.24	35.20	81.4
GUA MADAI			
Bayaran Royalti 10% Hasil Penuaian dan Jualan Sarang Burung**	1.31	0.58	44.3
JHLS	TB	0.16	TB
JUMLAH	1.31	0.74	56.5
JUMLAH KESELURUHAN	44.55	35.94	80.7

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota: (*) – Nilai Kontrak Adalah 30% Kutipan Berat Sarang Burung

(**) – Sehingga Bulan Mei 2017 (Musim Penuaian Pertama 2017)

TB* Tempoh Kontrak 22 Februari 2017 hingga 22 Februari 2018

TB –Tidak Berkenaan

- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod tunggakan mendapati tunggakan hasil terkumpul daripada aktiviti penuaian sarang burung di negeri Sabah adalah berjumlah RM28.29 juta dari tahun 2000 hingga bulan Mei 2017. Tunggakan ini melibatkan sebanyak 12 kontraktor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
TUNGGAKAN HASIL DARIPADA AKTIVITI PENUAIAN
SARANG BURUNG BAGI TEMPOH TAHUN 2000 HINGGA BULAN MEI 2017

BIL.	KONTRAKTOR	KONTRAK TAHUN				JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)
		2000 (RM Juta)	2006 - 2008 (RM Juta)	2009 - 2012 (RM Juta)	2013 - 2016 (RM Juta)	
GUA GOMANTONG						
1.	Rimbunan Istimewa Sdn. Bhd.	0.26	-	-	-	0.26
2.	Pewaris Gua Gomantong Sdn. Bhd.	-	2.27	2.68	-	4.95
3.	Terus Sihat Sdn. Bhd.	-	0.72	-	-	0.72
4.	Warisan Tetap Resources Sdn. Bhd.	-	1.02	-	-	1.02
5.	First Maxim Sdn. Bhd.	-	2.04	-	-	2.04
6.	Mercu Masyur Agriculture Sdn. Bhd.	-	-	5.27	-	5.27
7.	Prospek Mewah Sdn. Bhd.	-	-	0.87	-	0.87
8.	Akin Resources Sdn. Bhd.	-	-	1.21	-	1.21
9.	Koridor Kaya Sdn. Bhd.	-	-	2.49	-	2.49
10.	Shismir Sdn. Bhd.	-	-	-	5.24	5.24
11.	Nieshdlia Sdn. Bhd.	-	-	-	3.72	3.72
GUA MADAI						
12.	Seri Warisan Corporation	-	-	-	0.50	0.50
JUMLAH		0.26	6.05	12.52	9.46	28.29

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- iv. Analisis Audit mendapati jumlah tunggakan yang paling tinggi adalah bagi kontrak tahun 2009 hingga 2012 iaitu sebanyak RM12.52 juta yang melibatkan lima kontraktor. Bagaimanapun, tunggakan yang melebihi 16 tahun iaitu RM0.26 juta melibatkan satu kontraktor.
- v. Sehubungan dengan itu, didapati Ibu Pejabat JHLS telah mengambil tindakan terhadap 12 kontraktor tersebut. Bagaimanapun, tindakan (seperti mengeluarkan surat peringatan atau mengesyorkan tindakan mahkamah) adalah tidak berterusan dan proses seterusnya tidak diambil walaupun tindakan terakhir adalah antara enam hingga 58 bulan yang lalu. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.5
SENARAI TINDAKAN JABATAN TERHADAP
KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN SEHINGGA BULAN MEI 2017

BIL.	KONTRAKTOR	TINDAKAN	TARIKH	TEMPOH SELEPAS TINDAKAN TERAKHIR (Bulan)
1.	Mercu Masyur Agriculture Sdn. Bhd.	Surat Peringatan Ke-3	22.11.2013	42
2.	Pewaris Gua Gomantong Sdn. Bhd.	Surat Peringatan Ke-3	01.08.2012	58
3.	Shismir Sdn. Bhd.	Surat Peringatan Ke-3	15.09.2015	20
4.	Prospek Mewah Sdn. Bhd.	Syor tindakan mahkamah kepada Jab. Peguam Negeri	29.07.2016	10
5.	Terus Sihat Sdn. Bhd.	Syor tindakan mahkamah kepada Jab. Peguam Negeri	10.10.2013	43

BIL.	KONTRAKTOR	TINDAKAN	TARIKH	TEPOH SELEPAS TINDAKAN TERAKHIR (Bulan)
6.	Nieshdlia Sdn. Bhd.	Surat Peringatan Ke-3	15.09.2015	20
7.	Akin Resources Sdn. Bhd.	Syor tindakan mahkamah kepada Jab. Peguam Negeri	29.07.2013	46
8.	Warisan Tetap Resources Sdn. Bhd.	Tindakan Mahkamah	Tiada Maklumat	-
9.	Rimbunan Istimewa Sdn. Bhd.	Surat Peringatan Pertama	01.11.2016	6
10.	First Maxim Sdn. Bhd.	Tindakan Mahkamah	Tiada Maklumat	-
11.	Koridor Kaya Sdn. Bhd.	Syor tindakan mahkamah kepada Jab. Peguam Negeri	29.07.2013	46
12.	Seri Warisan Corporation	Peringatan Ketiga	11.11.2014	30

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- vi. Walaupun kontrak berkaitan mempunyai klausa mengenai tindakan yang seharusnya diambil oleh JHLS atas ketidakpatuhan syarat kontrak, pihak JHLS tidak mengambil tindakan seperti mengeluarkan surat tuntutan/peringatan yang berterusan. Didapati tindakan yang tidak berterusan adalah disebabkan ketiadaan Manual Prosedur Kerja atau *Standard Operating Procedures* yang jelas menetapkan norma masa bagi setiap tindakan/proses yang sepatutnya diambil.

Maklum Balas JHLS yang Diterima pada 25 September 2017

JHLS telah mengeluarkan surat peringatan kepada 12 kontraktor pada 5 September 2017 bagi menuntut jumlah tunggakan yang perlu dijelaskan. JHLS juga telah mengeluarkan surat peringatan secara bulanan hasil dari teguran Jabatan Audit Negara.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil daripada aktiviti penuaian sarang burung adalah tidak memuaskan kerana ia tidak diurus dengan cekap di mana hasil berjumlah RM28.29 juta dari tahun 2000 hingga bulan Mei 2017 masih tertunggak. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri kekurangan hasil dan tidak dapat memanfaatkan hasil tersebut.

3.5.2. Pelantikan Kontraktor

Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (Perolehan) Bil.2/1995, Kementerian/ Jabatan hendaklah memastikan peruntukan/ pembiayaan, pendaftaran kontraktor kerja, bekalan dan perkhidmatan telah diambil kira terlebih dahulu sebelum sebarang perolehan dibuat. Mengikut AP 169.1 pula, setiap pegawai yang menguruskan perolehan wajib membuat kajian pasaran yang

berpatutan supaya perolehan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan. Manakala 1PP-PK1 menetapkan bahawa Agensi dikehendaki memastikan semua urusan perolehan kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan kerajaan, iaitu Akauntabiliti Awam, Diuruskan Secara Telus, Memberi Nilai Faedah Yang Terbaik, Saingan Terbuka, dan Adil dan Saksama. Hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pelantikan kontraktor untuk kerja-kerja penuaian sarang burung di Gua Gomantong dan Gua Madai adalah seperti berikut:

3.5.2.1. Gua Gomantong

- a. Mengikut peruntukan subseksyen 85(6) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, tiada seorang pun boleh memungut apa-apa sarang burung yang boleh dimakan daripada gua yang dimiliki kerajaan kecuali di bawah kuasa dan menurut kontrak bagi pungutan sarang burung tersebut yang dianugerahkan oleh Menteri mengikut prosedur tender kerajaan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat termasuk pembayaran royalti dan tempoh kontrak sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak yang dimeterai.
- b. Proses tawaran tender dalam pelantikan kontraktor untuk melaksanakan kerja memajak dan mengutip sarang burung adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.6
PROSES TAWARAN TENDER MEMAJAK
DAN MENGUTIP SARANG BURUNG DI GUA GOMANTONG**

BIL.	PROSES TENDER	JAWATANKUASA	TINDAKAN	KEAHLIAN
1.	Mempelawa Tender	Jawatankuasa Mempelawa Tender	Jabatan Hidupan Liar	Pengarah, Timbalan Pengarah dan Akauntan
2.	Pembukaan Dokumen Tender	Jawatankuasa Pembukaan Tender	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	Pegawai Perolehan dan Penolong Pegawai Tadbir
			Jabatan Kerja Raya	Jurutera
			Bendahari Negeri	Penolong Akauntan
3.	Analisis Dan Syor	Jawatankuasa Panel Analisis Tender	Jabatan Hidupan Liar Sabah	Pengarah, Timbalan Pengarah dan Akauntan.
4.	Keputusan Tender	Lembaga Tawaran Negeri	Kementerian Kewangan Negeri Sabah	Setiausaha Tetap dan Pegawai Perolehan/ Wakil
			Jabatan Kerja Raya	Pengarah/Wakil
			Bendahari Negeri	Bendahari/Wakil

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- c. Dalam setiap proses tender, penender hendaklah mengemukakan dokumen sokongan supaya Jawatankuasa Panel Analisis Tender di JHLS dapat menilai dan memastikan semua penender mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta akan memberi nilai faedah/pulangan yang terbaik (*value for money*) sebelum syor dikemukakan kepada Lembaga Tawaran Negeri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Antara syarat yang ditetapkan dalam dokumen tawaran tender adalah:

- i. berdaftar dengan Pendaftar Syarikat dan mempunyai lesen perniagaan yang masih sah;
 - ii. mempunyai Sijil Status Bumiputra/Pengesahan daripada Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat;
 - iii. berdaftar dengan PUKONSA di bawah kod bidang 220288 (pengurusan dan penyewaan sarang burung)/mendapat kebenaran khas daripada Unit PUKONSA untuk menyertai tender;
 - iv. mengemukakan Profil Syarikat; dan
 - v. mengemukakan salinan terkini Penyata Akaun Bank Syarikat yang disahkan benar dan menunjukkan kemampuan kewangan dalam akaun bank sebanyak RM1 juta (bagi tender melebihi RM1 juta) atau RM500,000 (bagi tender kurang daripada RM1 juta).
- d. Bagi memastikan kesinambungan dalam pengurusan aktiviti penuaian sarang burung, proses tender hendaklah dilaksanakan dengan cekap dan pelantikan kontraktor baharu hendaklah diselesaikan sebelum tamatnya tempoh kontrak asal.
- e. Semakan Audit terhadap pelantikan kontraktor memajak dan mengutip sarang burung di Gua Gomantong mendapati perkara berikut:
- i. Kontraktor bagi kerja memajak dan mengutip sarang burung di Gua Gomantong bagi Musim Penuaian Kedua Tahun 2013 hingga Musim Penuaian Kedua Tahun 2016 (Kontrak Tahun 2013 - 2016) dan Musim Penuaian Kedua Tahun 2017 hingga Musim Penuaian Kedua Tahun 2019 (Kontrak Tahun 2017 - 2019) telah dilantik mengikut prosedur tender Kerajaan Negeri.
 - ii. Sebanyak enam kontraktor telah dilantik secara tender terbuka bagi Kontrak Tahun 2013 - 2016 dengan nilai kontrak berjumlah RM43.04 juta. Manakala lima kontraktor pula telah dilantik bagi Kontrak Tahun 2017 - 2019 dengan nilai kontrak berjumlah RM43.46 juta.
 - iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap pematuhan syarat yang ditetapkan dalam dokumen tawaran tender mendapati rumusan pematuhan syarat tawaran tender seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7
PEMATUHAN SYARAT TAWARAN TENDER KERJA MEMAJAK DAN
MENGUTIP SARANG BURUNG DI GUA GOMANTONG BAGI TAHUN 2013 EHINGGA 2019

LOT	SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KRITERIA						
			a	b	c	d	e	f	g
KONTRAK TAHUN 2013 - 2016									
1	Mercu Mashyur Sdn. Bhd.	13.50	√	√	√	X	√	√	√
2	Shismir Sdn. Bhd.	6.30	√	√	√	√	√	√	√
3	Alif Mercu Sdn. Bhd.	4.23	√	√	√	√	√	√	√
4	Nieshdylia Sdn. Bhd.	5.10	√	√	√	√	√	√	√
5	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	3.87	√	√	√	√	√	√	√
6	Imej Nilai Sdn. Bhd.	4.35	√	√	√	√	√	√	√
7	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	5.69	√	√	√	√	√	√	√
JUMLAH		43.04							
KONTRAK 2017 - 2019									
1	Tetabuan Asli Sdn. Bhd	13.50	√	√	√	√	√	√	√
2	Salam Teguh Sdn. Bhd	5.70	√	√	√	√	√	√	√
3	Nature Shine Bird Nest Sdn. Bhd	7.20	√	√	√	√	√	√	√
4	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	5.21	√	√	√	√	√	√	X
5	Habajuta Sdn. Bhd.	3.36	√	√	√	√	√	√	X
6	Tetabuan Asli Sdn. Bhd.	4.20	√	√	√	√	√	√	√
7	Habajuta Sdn. Bhd.	4.29	√	√	√	√	√	√	X
JUMLAH		43.46							

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota:- TM – Tiada Maklumat

a. Berdaftar dengan Pendaftar Syarikat.

b. Lesen Perniagaan masih sah.

c. Sijil Status Bumiputra/Pengesahan daripada Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat.

d. Berdaftar dengan PUKONSA di bawah kod bidang 220288 (pengurusan dan penyewaan sarang burung)/mendapat kebenaran khas daripada Unit PUKONSA untuk menyertai tender.

e. Mengemukakan Profil Syarikat.

f. Pemilik Syarikat mestilah menyertai lawatan tapak.

g. Mengemukakan salinan terkini Penyata Akaun Bank Syarikat yang disahkan benar dan menunjukkan seperti:

i) Jika syarikat menawarkan amaun tender melebihi RM1 juta, maka syarikat hendaklah menunjukkan kemampuan kewangan dalam akaun bank syarikat sebanyak RM1 juta

ii) Jika syarikat menawarkan amaun tender kurang dari RM1 juta, maka syarikat hendaklah menunjukkan kemampuan kewangan dalam akaun bank syarikat sebanyak RM500,000.

iv. Berdasarkan semakan Audit terhadap profil dan penyata akaun bank syarikat yang dikemukakan bersama borang tender, tiga daripada lima kontraktor yang berjaya bagi Kontrak Tahun 2017 - 2019 telah mematuhi semua syarat yang ditetapkan. Manakala dua kontraktor tidak memenuhi syarat kemampuan kewangan semasa tarikh tutup tender pada 9 Januari 2017 iaitu:

- Habajuta Sdn. Bhd. (Lot 5 dan 7 dengan nilai kontrak berjumlah RM7.65 juta) hanya mempunyai baki RM347.65 di penyata bank bertarikh 20 Disember 2016; dan

- Salam Setiaria Sdn. Bhd. (Lot 4 dengan nilai kontrak berjumlah RM5.21 juta) hanya mempunyai baki RM207.60 di penyata bank bertarikh 20 Disember 2016.
- f. Kontrak Tahun 2013 - 2016 telah tamat pada 31 Ogos 2016. Disebabkan terlepas pandang tarikh tamat kontrak tersebut, JHLS hanya memaklumkan kepada Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 5 September 2016 untuk mencadangkan tender tahun 2017 hingga 2019 dibuka. Sehingga Musim Penuaian Pertama tahun 2017 yang dijadualkan pada bulan Februari hingga April 2017, kontraktor baharu belum dilantik. Ini menyebabkan JHLS melantik kontraktor sementara dengan memohon kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan pada 20 Februari 2017 dan kelulusan tersebut telah diperolehi pada 28 Mac 2017. Semakan Audit terhadap pelantikan terus kontraktor sementara mendapati:
- i. JHLS telah mengemukakan kertas cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk pelantikan kontraktor sementara bagi Musim Penuaian Pertama Tahun 2017 iaitu bulan Februari hingga Mac 2017 tanpa analisis anggaran kuantiti sarang burung yang boleh dikutip.
 - ii. Berdasarkan syarat pelantikan sementara yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, agihan hasil kutipan sarang burung antara JHLS dan kontraktor adalah 30% dan 70%.
 - iii. Kerja-kerja mengutip sarang burung telah dilaksanakan antara 24 Februari hingga 16 April 2017 dan kuantiti sarang burung yang dikutip adalah seberat 6,845.80 kg dan Kerajaan mendapat hasil berjumlah RM3.15 juta.
 - iv. Nilai Kontrak Tahun 2013 - 2016 (tujuh musim penuaian) yang dipelawa secara tender terbuka bagi tujuh lot di Gua Gomantong adalah berjumlah RM43.04 juta. Ini bermaksud Kerajaan mendapat hasil secara puratanya berjumlah RM6.15 juta setiap musim (RM43.04 juta bahagi tujuh musim penuaian). Dengan itu, didapati kaedah pelantikan terus kontraktor sementara menyebabkan Kerajaan kekurangan hasil yang dianggarkan berjumlah RM3.0 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.8
KUTIPAN SARANG PUTIH DAN HITAM
BAGI TEMPOH KONTRAK MUSIM PENUAIAN PERTAMA TAHUN 2017

JENIS SARANG	KUTIPAN SEBENAR SARANG BURUNG (Kg)	30% ROYALTI KUTIPAN SARANG BURUNG (Kg)	JUMLAH JUALAN (RM Juta)	JUMLAH HASIL (RM Juta)	PURATA KUTIPAN HASIL (RM Juta)	ANGGARAN KURANG HASIL (RM Juta)
Sarang Putih	2,690.5	807.15	1.59	3.15	6.15*	3.00
Sarang Hitam	4,155.3	1,246.9	1.56			

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota:(*) - Berdasarkan kiraan purata hasil Kontrak Tahun 2013 - 2016 bagi satu musim penuaian.

- g. Sehubungan itu, lawatan Audit ke Gua Gomantong mendapati Gua Babpa Buli yang digunakan sebagai gua penyelidikan untuk konservasi burung layang-layang juga mengeluarkan hasil sarang burung putih dan hitam. Semakan Audit selanjutnya terhadap pelantikan kontraktor untuk kerja-kerja penuaian sarang burung di Gua Babpa Buli mendapati:
- i. Dua syarikat telah dilantik untuk memajak dan mengutip sarang burung dengan kadar RM43,000 setahun bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015.
 - ii. Syarikat Maju Era Network Sdn. Bhd. telah diberi kontrak secara lantikan terus oleh Kementerian Kewangan dengan kadar RM43,000 setahun untuk tempoh 23 Februari 2016 hingga 22 Februari 2018.
 - iii. Nilai kontrak tahunan berjumlah RM43,000 yang ditawarkan kepada kontraktor secara lantikan terus tidak dapat ditentukan asasnya.
 - iv. Berdasarkan dokumen penilaian tender terbuka bagi kerja memajak dan mengutip sarang burung di Gua Gomantong, didapati JHLS menggunakan anggaran harga pasaran sarang putih pada RM3,000 sekilo dan sarang hitam pada RM800 sekilo sebagai asas penentuan anggaran hasil yang boleh dipungut oleh kerajaan. Manakala semakan Audit terhadap rekod kutipan sarang burung di Gua Babpa Buli, didapati kuantiti sarang burung yang dikutip adalah seberat 1,365.27 kg bagi tempoh tahun 2013 hingga Musim Penuaian Pertama Tahun 2017.
 - v. Dengan menggunakan kaedah pengiraan anggaran hasil yang diguna pakai JHLS, pihak Audit mendapati anggaran hasil daripada kutipan sebanyak 1,365.27 kg sarang burung putih dan hitam adalah berjumlah RM2.76 juta berbanding nilai kontrak berjumlah RM193,500 untuk tempoh yang sama. Ini bermakna kaedah pelantikan terus tanpa tawaran tender terbuka telah menyebabkan Kerajaan Negeri kekurangan hasil yang dianggarkan berjumlah RM2.56 juta. Pengiraan kekurangan hasil adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9
ANGGARAN KEKURANGAN HASIL DARIPADA AKTIVITI KUTIPAN
SARANG BURUNG DI GUA BABPA BULI BAGI TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

TAHUN	JENIS SARANG	BERAT (Kg)	ANGGARAN HARGA PASARAN (RM)	ANGGARAN HASIL (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)	NILAI KONTRAK (RM)	KEKURANGAN HASIL (RM)
2013	Putih	184.00	3,000	552,000	674,640	43,000	631,640
	Hitam	153.30	800	122,640			
2014	Putih	161.47	3,000	484,410	604,890	43,000	561,890
	Hitam	150.60	800	120,480			
2015	Putih	164.20	3,000	492,600	588,200	43,000	545,200
	Hitam	119.50	800	95,600			
2016	Putih	147.40	3,000	442,200	534,440	43,000	491,440
	Hitam	115.30	800	92,240			
2017*	Putih	99.50	3,000	298,500	354,500	21,500**	333,000
	Hitam	70.00	800	56,000			
JUMLAH		1,365.27			2,756,670	193,500	2,563,170

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota: (*) – Sehingga Bulan Mei 2017 (Musim Penuaian Pertama 2017)

(**) – Peratusan Berdasarkan Nilai Kontrak Untuk Satu Musim Penuaian

- h. Sehubungan itu, pihak Audit berpendapat pelantikan terus kontraktor untuk kerja-kerja penuaian sarang burung di Gua Gomantong dan Gua Babpa Buli adalah bertentangan dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 yang mana sepatutnya dilantik secara tender.

3.5.2.2. Gua Madai

- a. Mengikut peruntukan Jadual 4 seksyen 85 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, Kerajaan Negeri mengutip royalti 10% daripada aktiviti kutipan sarang burung di gua warisan.
- b. Semakan Audit terhadap pelantikan kontraktor untuk mengutip sarang burung di Gua Madai mendapati perkara berikut:
- i. JHLS telah melantik kontraktor secara lantikan terus dan mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan dengan kadar RM325,000 setahun.
 - ii. Dua kontraktor telah dilantik untuk kerja-kerja mengutip sarang burung dan membayar royalti kepada JHLS bagi tempoh 2013 hingga 2017 dengan nilai RM1.31 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 3.10
KONTRAKTOR YANG DILANTIK UNTUK MENGURUSKAN
KUTIPAN ROYALTI DI GUA MADAI BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2017

BIL.	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
1.	Seri Warisan Corporation	01.01.2013 – 31.12.2015	0.98
2.	Minat Harapan Enterprise Sdn. Bhd.	12.08.2016 – 11.08.2017	0.33
JUMLAH			1.31

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Maklum Balas JHLS yang Diterima pada 25 September 2017

JHLS akan memberi pemakluman secara bertulis kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh enam bulan sebelum kontrak tamat bagi mengelakkan lantikan sementara berulang.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor bagi Gua Madai adalah baik kerana pelantikan kontraktor diurus dengan cekap dan teratur. Manakala pelantikan kontraktor bagi Gua Gomantong adalah tidak memuaskan kerana ketidakcekapan JHLS dalam proses pelantikan kontraktor menyebabkan anggaran hasil Kerajaan yang kurang dikutip adalah berjumlah RM6.59 juta dan lantikan sementara/terus juga adalah bertentangan dengan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

3.5.3. Pentadbiran Kontrak

3.5.3.1. Kontrak Memajak Dan Mengutip Sarang Burung Dari Gua-gua Milik Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 hingga 2016 menetapkan bahawa setiap kontraktor hendaklah mematuhi kaedah pembayaran kontrak, yuran konservasi dan Bon Pelaksanaan mengikut syarat yang ditetapkan. Artikel 7 Surat Perjanjian menyatakan bahawa sekiranya kontraktor gagal mematuhi syarat kontrak, kerajaan berhak untuk membatalkan kontrak dan seterusnya mengambil alih pemungutan tanpa sebarang pampasan atau apa-apa ganti rugi kepada kontraktor. Kontrak Memajak dan Mengutip Royalti Sarang Burung sebanyak 10% dari Gua Warisan (Gua Madai) menetapkan kontraktor yang dilantik perlu mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan seperti tempoh perkhidmatan dan Bon Pelaksanaan.

3.5.3.2. Mengikut Para 8 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (Perolehan) Bil.2/1995 dan 1PP-PK4, Surat Setuju Terima (SST) ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui selepas rundingan dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui

rundingan sebelumnya. Sehubungan dengan itu, apa-apa syarat yang telah dipersetujui sebelumnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan persetujuan tersebut merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. SST ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Apabila semua perkara telah diselesaikan dan tiada rundingan lanjut diperlukan, SST hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender. Sehubungan dengan itu, satu ikatan kontrak wujud di antara kedua-dua pihak setelah SST ditandatangani dan dikembalikan oleh penender kepada Agensi.

3.5.3.3. Mengikut Para 9 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (Perolehan) Bil.2/1995, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Arahan Perbendaharaan 176.1(a) pula menetapkan selepas SST dikeluarkan dan disetujui terima oleh pihak berkuasa berkenaan, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal.

3.5.3.4. Mengikut klausa 26 kontrak dan perenggan 4.3 Surat Perjanjian, Bon Pelaksanaan dengan nilai lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak perlu dikemukakan pada hari kontrak ditandatangani. Perenggan 2 dalam Surat Tawaran Kontrak untuk tujuh kontrak bagi tahun 2013 hingga 2016 di Gua Gomantong menghendaki kontraktor menandatangani suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank yang tidak boleh batal dari sebuah bank yang ditubuhkan di Malaysia dengan amaun yang merupakan 5% daripada jumlah harga tender dalam tempoh satu tahun selepas menerima surat tawaran dan sebelum memulakan kerja. Mengikut para 3 Surat Perjanjian Memajak dan Mengutip Royalti Sarang Burung di Gua Madai pula, kontraktor hendaklah menandatangani suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank yang tidak boleh batal dari sebuah bank yang ditubuhkan di Malaysia sebanyak RM16,250 iaitu 5% daripada jumlah harga kontrak dalam tempoh 12 bulan berdasarkan tarikh surat perjanjian berkuat kuasa.

3.5.3.5. Semakan Audit terhadap pematuhan syarat-syarat kontrak oleh kontraktor bagi Gua Gomantong dan Gua Madai untuk tahun 2013 hingga 2018 mendapati:

- a. Dua kontrak memajak dan mengutip sarang burung di Gua Madai dengan Seri Warisan Corporation bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 serta kontrak dengan Minat Harapan Enterprise Sdn. Bhd. bagi tempoh Ogos 2016 hingga Ogos 2017 tidak ditandatangani oleh kedua-dua pihak (JHLS dan kontraktor).

- b. Bon Pelaksanaan bagi Kontrak Tahun 2013 - 2016 melalui kaedah tender terbuka di Gua Gomantong tidak didepositkan dalam bentuk Jaminan Bank tetapi dijelaskan secara bayaran terus secara tunai kepada JHLS. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua kontraktor berkenaan telah lewat membuat pembayaran antara 370 hingga 903 hari daripada tarikh yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Sehubungan itu, JHLS tidak mengeluarkan surat teguran atau peringatan atas kelewatan membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan.
- c. Bon Pelaksanaan di Gua Madai tidak dapat disahkan kerana dokumen pembayaran tidak dikemukakan.
- d. Pematuhan syarat-syarat oleh kontraktor bagi Gua Gomantong dan Gua Madai untuk tahun 2013 hingga 2018 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.11
PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KONTRAK
BAGI GUA GOMANTONG DAN GUA MADAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2018

LOT	SYARIKAT	KRITERIA			
		a	b	c	d
GUA GOMANTONG					
A) TENDER BULAN OGOS 2013 HINGGA BULAN OGOS 2016					
1.	Mercu Mashyur Sdn. Bhd.	√	√	x	√
2.	Shismir Sdn. Bhd.	√	√	x	√
3.	Alif Mercu Sdn. Bhd.	√	√	x	√
4.	Nieshdylia Sdn. Bhd.	√	√	x	√
5.	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	√	√	x	√
6.	Imej Nilai Sdn. Bhd.	√	√	x	√
7.	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	√	√	x	√
B) LANTIKAN SEMENTARA MUSIM PENUAIAN PERTAMA BULAN FEBRUARI HINGGA BULAN APRIL 2017					
1.	Mercu Masyhur Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
2.	Salam Teguh Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
3.	Alif Mercu Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
4.	Bulud Salag Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
5.	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
6.	Imej Nilai Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
7.	Salam Setiaria Sdn. Bhd.	√	TB	TB	TB
C) LANTIKAN TERUS GUA BABPA BULI TAHUN 2013 HINGGA 2017					
1.	Syarikat Maju Era Network Sdn. Bhd.	√	TB	x	TB
GUA MADAI					
1.	Seri Warisan Corporation	√	x	x	TB
2.	Minat Harapan Enterprise Sdn. Bhd.	√	x	x	TB

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota:- TB -Tidak Berkenaan

- a. Surat Setuju Terima dikemukakan dan ditandatangani
- b. Kontrak ditandatangani
- c. Bon Pelaksanaan disediakan mengikut kontrak
- d. Yuran konservasi dijelaskan

Maklum Balas JHLS yang Diterima pada 25 September 2017

JHLS akan memastikan syarat-syarat dipatuhi dan ditandatangani bagi setiap kontrak.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak bagi Gua Gomantong dan Gua Madai adalah tidak memuaskan kerana syarat-syarat kontrak tidak dipatuhi oleh kontraktor dan terdapat kontrak yang tidak ditandatangani bagi menjaga kepentingan kerajaan.

3.5.4. Bayaran oleh Kontraktor

3.5.4.1. Gua Gomantong

- a. Kontrak Memajak dan Mengutip Sarang Burung Dari Gua-gua Milik Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 hingga 2016 dibuat secara tender. Mengikut syarat Surat Perjanjian yang dimeterai, kontraktor perlu menjelaskan bayaran seperti berikut:
 - i. bayaran pertama (10% daripada nilai kontrak tahunan) hendaklah dibayar semasa surat tawaran disetujui terima;
 - ii. bayaran kedua (40% daripada nilai kontrak) hendaklah dibayar sebelum penuaian pertama iaitu pada bulan Disember setiap tahun; dan
 - iii. bayaran ketiga (akhir) sebanyak 50% hendaklah dibayar penuh selepas penuaian kedua iaitu pada bulan Ogos setiap tahun.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi bayaran oleh tujuh kontraktor yang dilantik bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 mendapati kesemua kontraktor tidak mematuhi syarat bayaran penuh (pertama, kedua dan ketiga). Ringkasan prestasi bayaran oleh kontraktor sehingga bulan Mei 2017 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.12
PRESTASI BAYARAN OLEH KONTRAKTOR
SEHINGGA BULAN MEI 2017 BAGI KONTRAK 2013 HINGGA 2016**

NILAI KONTRAK TAHUNAN (RM Juta)	TEMPOH	BAYARAN (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)
Lot 1 - Mercu Mashyur Sdn. Bhd. RM 13.50 Juta (12.08.2013 - 11.08.2016)				
4.50	12.08.2013 - 11.08.2014	0.45	4.05	10.0
4.50	12.08.2014 - 11.08.2015	1.00	7.55	22.2
4.50	12.08.2015 - 11.08.2016	4.64	7.41	103.1
Tarikh Selesai Bayaran Kontrak : 19.01.2017		7.41	0.00	
Lot 2 - Shismir Sdn.Bhd. RM6.30 Juta (06.08.2013 - 05.08.2016)				
2.10	06.08.2013 - 05.08.2014	0.31	1.79	14.8

NILAI KONTRAK TAHUNAN (RM Juta)	TEMPOH	BAYARAN (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)
2.10	06.08.2014 - 05.08.2015	0.19	3.70	9.0
2.10	06.08.2015 - 05.08.2016	0.51	5.29	24.3
Tarikh Terakhir Bayaran Kontrak : 16.08.2016		0.05	5.24	
Lot 3 - Alif Mercu Sdn. Bhd. RM4.23 Juta (12.08.2013 - 11.08.2016)				
1.41	12.08.2013 - 11.08.2014	0.76	0.65	53.9
1.41	12.08.2014 - 11.08.2015	1.33	0.73	94.3
1.41	12.08.2015 - 11.08.2016	1.32	0.82	93.6
Tarikh Selesai Bayaran Kontrak : 14.12.2016		0.82	0.00	
Lot 4 - Nieshdylia Sdn. Bhd. RM5.10 Juta (10.08.2013 - 31.08.2016)				
1.70	10.08.2013 - 09.08.2014	0.00	1.70	0.0
1.70	10.08.2014 - 09.08.2015	0.50	2.90	29.4
1.70	10.08.2015 - 09.08.2016	0.83	3.77	48.8
Tarikh Terakhir Bayaran Kontrak : 14.12.2016		0.05	3.72	
Lot 5 - Salam Setiaria Sdn. Bhd. RM3.87 Juta (06.08.2013 - 05.08.2016)				
1.29	06.08.2013 - 05.08.2014	0.26	1.03	20.2
1.29	06.08.2014 - 05.08.2015	0.29	2.03	22.5
1.29	06.08.2015 - 05.08.2016	3.13	0.19	242.6
Tarikh Selesai Bayaran Kontrak : 15.12.2016		0.19	0.00	
Lot 6 - Imej Nilai Sdn. Bhd. RM 4.35 Juta (12.08.2013 - 11.08.2016)				
1.45	12.08.2013 - 11.08.2014	0.14	1.31	9.7
1.45	12.08.2014 - 11.08.2015	0.54	2.22	37.2
1.45	12.08.2015 - 11.08.2016	1.14	2.53	78.6
Tarikh Selesai Bayaran Kontrak : 19.01.2017		2.53	0.00	
Lot 7 - Salam Setiaria Sdn. Bhd. RM 5.69 Juta (06.08.2013 - 05.08.2016)				
1.90	06.08.2013 - 05.08.2014	0.39	1.51	20.5
1.90	06.08.2014 - 05.08.2015	0.43	2.98	22.6
1.90	06.08.2015 - 05.08.2016	4.60	0.28	242.1
Tarikh Selesai Bayaran Kontrak : 15.12.2016		0.28	0.00	
JUMLAH NILAI KONTRAK LOT 1 HINGGA LOT 7 = RM43.04 Juta				

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- c. Analisis Audit terhadap penyata bayaran dan tunggakan hasil sarang burung bagi tahun 2013 hingga 2016 dan **Jadual 3.12** mendapati:
 - i. Prestasi bayaran tujuh kontraktor bagi tahun pertama dan kedua adalah antara 9% hingga 94.3%.
 - ii. Bagi tahun ketiga pula, prestasi bayaran mencecah sehingga 242.6% kerana bayaran adalah termasuk tunggakan bagi tahun sebelumnya.
 - iii. Lima kontraktor telah menjelaskan tunggakan selepas kontrak tamat antara 14 Disember 2016 hingga 19 Januari 2017 berjumlah RM11.23 juta.

iv. Dua kontraktor gagal menjelaskan bayaran tunggakan berjumlah RM8.96 juta sehingga bulan Mei 2017.

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati JHLS tidak mengambil tindakan yang berterusan atas kegagalan kontraktor menjelaskan tunggakan. Bagi dua kontraktor yang masih mempunyai tunggakan, tiada tindakan diambil oleh JHLS selepas tindakan terakhir selama 20 bulan bagi Shismir Sdn.Bhd. dan Nieshdylia Sdn. Bhd.

3.5.4.2. Gua Babpa Buli

- a. Syarikat Maju Era Network Sdn. Bhd. telah diberi kontrak secara lantikan terus bagi memajak dan mengutip sarang burung dengan kadar RM43,000 setahun.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi bayaran oleh dua kontraktor yang dilantik bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 adalah 100% iaitu sebanyak RM0.16 juta hasil telah berjaya dikutip.

3.5.4.3. Gua Madai

- a. Perenggan 20.1 Perjanjian Kontrak Memajak dan Mengutip Royalti Sarang Burung Sebanyak 10% Di Gua Madai bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 menetapkan kontraktor perlu membayar kepada Kerajaan sejumlah RM325,000 pada setiap tahun.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi bayaran oleh kontraktor yang dilantik mendapati satu daripada dua kontraktor yang dilantik tidak mematuhi syarat perjanjian seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.13
PRESTASI BAYARAN OLEH
KONTRAKTOR DI GUA MADAI SEHINGGA BULAN MEI 2017**

KONTRAK/ NILAI DAN TEMPOH KOTRAK	JUMLAH KONTRAK/ HASIL (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)	TUNGGAKAN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)
Seri Warisan Corporation RM0.96 Juta 01.01.2013 – 31.12.2015	0.32	0.25	78.1	0.07	0.50
	0.33	0.10	30.3	0.23	
	0.33	0.13	39.4	0.20	
Minat Harapan Enterprise Sdn. Bhd. RM0.32 Juta 12.08.2016 - 11.08.2017	0.33	0.10	30.3	Tiada	Tiada
	1.31	0.58	44.3	0.50	0.50

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- c. Analisis Audit terhadap penyata bayaran dan tunggakan hasil sarang burung sehingga bulan Mei 2017 dan **Jadual 3.13** mendapati:

- i. Prestasi bayaran kontraktor bagi kontrak tahun 2013 hingga 2015 adalah antara 30.3% hingga 78.1% berjumlah RM0.58 juta dengan tunggakan berjumlah RM0.50 juta.
 - ii. Prestasi bayaran kontraktor bagi kontrak tahun 2016 hingga 2017 adalah berjumlah RM0.10 juta pada tahun 2016, iaitu 30.3% mengikut syarat kontrak.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak JHLS telah mengeluarkan surat peringatan kepada Syarikat Seri Warisan Corporation sebanyak enam kali bagi menuntut baki tunggakan kontrak. Surat peringatan terakhir telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 14 November 2014. Bagaimanapun, sehingga bulan Mei 2017, kontraktor masih belum menjelaskan baki tunggakan tersebut.

Maklum Balas JHLS yang Diterima pada 25 September 2017

JHLS telah memastikan semua kontraktor mematuhi syarat pembayaran bagi tender Gua Gomantong tahun 2017 hingga 2019 seperti ditetapkan dalam kontrak.

Pada pendapat Audit, prestasi bayaran oleh kontraktor adalah tidak memuaskan kerana kesemua kontraktor bagi Gua Gomantong tidak menjelaskan bayaran penuh mengikut tempoh yang ditetapkan dan terdapat tunggakan hasil berjumlah RM8.96 juta (Gua Gomantong) dan RM0.50 juta (Gua Madai) yang belum dijelaskan oleh kontraktor berkaitan setakat bulan Mei 2017.

3.5.5. Pemantauan dan Kawalan Aktiviti Penuaian Sarang Burung

Ibu Pejabat JHLS adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan Gua Gomantong, Gua Babpa Buli dan Gua Madai. Pejabat Hidupan Liar diwujudkan di Gomantong (daerah Kinabatangan) dan di Madai (daerah Kunak) bagi memudahkan pemantauan dijalankan dan adalah bertanggungjawab memantau dan mengawal aktiviti penuaian sarang burung dari segi berat kutipan, tempoh penuaian dan pelaksanaan kerja oleh kontraktor.

3.5.5.1. Gua Gomantong

- a. Mengikut klausa 13(b) Kontrak Memajak dan Mengutip Sarang Burung Dari Gua-gua Milik Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 hingga 2016, aktiviti penuaian dilakukan dua kali setahun. Selain itu, JHLS perlu mengarah kontraktor melakukan kerja-kerja pembersihan terhadap sisa tapak sarang

burung pada setiap bulan Disember. Pengarah JHLS selaku Pegawai Penguasa Kontrak hendaklah memberitahu kontraktor secara lisan dan disusuli dengan pemberitahuan secara bertulis berkaitan tempoh penuaian/ pembersihan yang dibenarkan.

- b. Semakan Audit terhadap pemantauan aktiviti penuaian sarang burung di Gua Gomantong mendapati perkara berikut:
 - i. Notis untuk memaklumkan kontraktor dan Arahan Pembersihan telah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa kepada kontraktor untuk Musim Penuaian Tahun 2013 hingga Musim Penuaian Pertama Tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.14
NOTIS DAN ARAHAN PENUAIAN/PEMBERSIHAN DARI TAHUN 2013
HINGGA MUSIM PENUAIAN PERTAMA TAHUN 2017 DI GUA GOMANTONG

TAHUN	MUSIM	TARIKH NOTIS	TEMPOH PENUAIAN (Hari)
2013	Pertama	Tiada	Tiada Penuaian
	Kedua	05.08.2013	30
	Pembersihan	12.12.2013	16
2014	Pertama	20.02.2014	14
		05.04.2014	21
	Kedua	08.08.2014	44
		15.08.2014	
Pembersihan	16.12.2014	16	
2015	Pertama	20.02.2015	14
		06.04.2015	21
	Kedua	06.08.2015	36
	Pembersihan	15.12.2015	17
2016	Pertama	18.02.2016	21
		23.03.2016	21
	Kedua	05.08.2016	32
	Pembersihan	15.12.2016	17
2017	Pertama	26.02.2017	10
		25.03.2017	23
	Kedua	TB	TB
	Pembersihan	TB	TB

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
 Nota:- TB – Tidak Berkenaan

- ii. Selepas notis pemberitahuan secara bertulis berkaitan tempoh penuaian sarang burung dikeluarkan, pegawai JHLS telah bertugas sepanjang tempoh penuaian yang diluluskan (24 jam sehari) untuk memantau dan merekodkan berat kutipan dalam buku kutipan sarang burung yang diselenggarakan.

3.5.5.2. Gua Babpa Buli

- a. Gua Babpa Buli adalah gua penyelidikan yang merupakan salah satu antara 19 lubang gua dalam Gua Gomantong. Pengurusan dan pemantauan terhadap gua ini adalah di bawah tanggungjawab JHLS seperti yang termaktub dalam Enakmen Hidupan Liar 1997.
- b. Semakan Audit terhadap pemantauan aktiviti penuaian sarang burung di Gua Babpa Buli mendapati notis untuk memaklumkan kontraktor dan Arahan Pembersihan telah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa kepada kontraktor. Pegawai JHLS juga bertugas sepanjang tempoh penuaian yang diluluskan (24 jam sehari) untuk memantau dan merekodkan berat kutipan dalam buku kutipan sarang burung yang diselenggarakan.

3.5.5.3. Gua Madai

- a. Musim penuaian di Gua Madai adalah sebanyak tiga kali setahun iaitu musim Papas pada bulan April hingga Mei, musim Penanggoh pada bulan Ogos hingga September dan musim Penengging iaitu pada bulan Disember. Pejabat Hidupan Liar Madai adalah bertanggungjawab memantau proses kutipan royalti 10% oleh pihak kontraktor dan menetapkan tarikh serta tempoh penuaian yang akan dilaksanakan oleh pewaris/kontraktor yang dilantik.
- b. Semakan Audit terhadap pemantauan aktiviti penuaian sarang burung di Gua Madai mendapati perkara berikut:
 - i. Notis kepada pewaris telah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa untuk Musim Penuaian Tahun 2013 hingga Musim Papas 2017 seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.15
NOTIS DAN ARAHAN PENUAIAN
DARI TAHUN 2013 HINGGA TAHUN 2017 DI GUA MADAI

TAHUN	MUSIM	TARIKH NOTIS	TEMPOH PENUAIAN (Hari)
2013	Papas	07.05.2013	30
	Penanggoh	27.08.2013	29
	Penengging	22.09.2013	35
2014	Papas	07.04.2014	37
	Penanggoh	11.08.2014	35
	Penengging	01.12.2014	30
2015	Papas	06.04.2015	37
	Penanggoh	10.08.2015	35
	Penengging	01.12.2015	30
2016	Papas	11.04.2016	30
	Penanggoh	08.08.2016	30
	Penengging	01.12.2016	30

TAHUN	MUSIM	TARIKH NOTIS	TEMPOH PENUAIAN (Hari)
2017	Papas	30.03.2017	20
	Penanggoh	TB	TB
	Penengging	TB	TB

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Nota:- TB – Tidak Berkenaan

- ii. Selepas notis pemberitahuan secara bertulis berkaitan tempoh penuaian sarang burung dikeluarkan, pegawai JHLS telah bertugas sepanjang tempoh penuaian yang diluluskan (24 jam sehari) untuk memantau dan merekodkan berat kutipan dalam buku kutipan sarang burung yang diselenggarakan.

3.5.5.4. Ibu Pejabat JHLS

- a. Secara umumnya, Ibu Pejabat JHLS bertanggungjawab terhadap proses pembukaan tender dan membuat analisis dan menyenaraikan penender kepada Lembaga Tawaran Negeri; memeterai dan mentadbir kontrak; menguruskan kutipan dan perakaunan hasil; dan mengambil tindakan terhadap tunggakan hasil.
- b. Semakan Audit mendapati, Ibu Pejabat JHLS telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan teratur dari segi proses pembukaan tender dan membuat analisis dan menyenaraikan penender untuk keputusan Lembaga Tawaran Negeri. Bagaimanapun, dari aspek pentadbiran kontrak dan menguruskan kutipan hasil, didapati pemantauan Ibu Pejabat JHLS adalah tidak memuaskan kerana terdapat kontrak yang tidak ditandatangani serta kelewatan JHLS dalam mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan.
- c. Ini disebabkan oleh ketiadaan Manual Prosedur Kerja yang jelas menetapkan norma masa dan tindakan/proses yang sepatutnya diambil.

Maklum Balas JHLS yang Diterima pada 25 September 2017

JHLS telah mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan secara bulanan hasil daripada teguran Jabatan Audit Negara.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat JHLS adalah tidak memuaskan kerana terdapat kontrak yang tidak ditandatangani serta kelewatan pihak JHLS dalam mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan. Sehubungan itu, masih terdapat tunggakan hasil

berjumlah RM28.29 juta (untuk tempoh tahun 2000 hingga bulan Mei 2017) yang gagal dikutip.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan hasil Kerajaan benar-benar dapat dikutip sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Jabatan Hidupan Liar Sabah mempertimbangkan perkara berikut:

3.6.1. menyediakan Manual Prosedur Kerja yang jelas dan komprehensif terhadap aktiviti puaian sarang burung layang-layang agar hasil tuaian dapat dikutip sepenuhnya dan bayaran oleh kontraktor dapat dijelaskan dalam tempoh yang sepatutnya;

3.6.2. memperkemaskan sistem pengurusan fail dan pentadbiran kontrak bagi memudahkan pemantauan dan mempertingkatkan kecekapan dari segi pentadbiran kontrak agar kepentingan Kerajaan terpelihara;

3.6.3. menyediakan kertas cadangan dengan analisis anggaran kuantiti sarang burung yang boleh dikutip untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi setiap proses pemilihan kontraktor pada masa depan; dan

3.6.4. mewujudkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk menyiasat, melaporkan dan mengambil tindakan pembetulan/punitif ke atas kes-kes ketidakpatuhan kepada syarat-syarat kontrak dan bayaran supaya perkara yang sama tidak berulang.

PENUTUP



PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 Oktober 2017



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773